



**PERISYTIHARAN
KOD
ETIKA DI RAJA**

OLEH
ABU BAKAR HAMZAH J.P

Published by
MEDIA CENDIAKAWAN SDN. BHD.

ISBN 983 - 9657 - 58 - 4

Copyright© **MEDIA CENDIAKAWAN SDN. BHD.**

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the publisher.

MEDIA CENDIAKAWAN SDN BHD

Unit 4.10 Tingkat 4, Bangunan Straits Trading 4, Leboh Pasar Besar 50050 Kuala Lumpur

Tel: 2935536, 2935463 Fax. No: 2936672

ISBN 983 - 9657 - 58 - 4

721-95005
A152
M 702251

Dicetak oleh **YASALAM ART & GRAFIK**

276, Jln. Bandar 11, Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur. **10 MAY 1994**

Reproduction No. 983

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Penulis bersyukur kepada Allah Subhanahu wa Taala kerana dengan hidayat dan tawfiqNya dapatlah diterbitkan risalah "Perisytiharan Kod Etika Di Raja" demi tatapan umum. Semuga usaha yang amat sederhana ini ada juga guna dan manfaatnya.

Wassalam .

Abu Bakar Hamzah .

KUALA LUMPUR 10 JULAI 1992 .

AL



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Walau seberapa kebal sekalipun takhta, namun takhta tidak boleh lari dari hukuman Allah, hukuman yang ditetapkan ke atas umat manusia tanpa mengira raja atau rakyat”

Sultan Azlan Shah

**TITAH UCAPAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA TUANKU AL-SULTAN
PADA HARI JUMAAT DI MASJID
MUHAMMADI PADA 27 MAC 1992**

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Segala sanjungan dan kepujian terpujang kepada Allah yang telah menjadikan bulan Ramadhan sebagai bulan yang diberkati dengan Nuzul Al-Quran dan ibadat puasa. Selawat dan salam cucurkan Allah ke atas junjungan kita Nabi Muhammad yang telah menggariskan contoh-contoh aktiviti ibadat yang murni pada bulan yang mulia ini dan ke atas sekalian keluarga dan para sahabatnya yang telah menghidupkan tradisi-tradisi nabawi yang menjiwai bulan yang berkat ini.

Pada kesempatan yang mulia ini Beta lebih dahulu ingin menyampaikan tahniah penghayatan bulan Ramadhan yang diberkati Allah kepada seluruh kaum Muslimin semoga setiap Mu'min yang menghayati bulan ini dapat meningkat pengembangan diri, membersihkan hati, pengukuhan iman dan taqwa melalui aktiviti-aktiviti ibadat dan latihan rohani yang dilakukan di sepanjang bulan yang mulia ini.

Beta merasa terharu kerana kedamaian suasana bulan Ramadhan dan ketenteraman bulan yang mulia ini sejak beberapa hari yang lepas telah dikeruhkan oleh berita gempar yang tidak benar, yang diatur sedemikian rupa untuk maksud-maksud tertentu yang membayangkan niat yang tidak bersih dan motif yang di-



"Beta yakin bahawa maruah Beta adalah maruah rakyat negeri ini"

pimpin oleh prasangka buruk dan dendam-dendam halus yang bertentangan dengan kemurnian semangat Ramadhan yang bertimbangrasa dan adil.

Berita hangat dan gempar yang tidak benar itulah yang mendorong Beta mengambil kesempatan hari yang mulia ini untuk menjelaskan kedudukan yang sebenar yang melibatkan maruah Beta sebagai Raja yang memerintah negeri ini kerana Beta yakin bahawa maruah Beta adalah maruah rakyat negeri ini.

Berita yang tidak benar itu telah dijadikan pokok berita oleh setengah-setengah media massa di negara ini. Ia merupakan berita sebelah pihak yang dirancang untuk tujuan penghinaan dan menjamu selera yang tertentu, tetapi kebenaran dan keadilan tidak mungkin dikelirukan semudah dan semurah itu.

Sebenarnya isu pembelian kereta yang dilakukan oleh Beta, malah dilakukan oleh Raja-Raja Melayu yang lain bukanlah suatu isu yang rumit seperti yang digambarkan oleh setengah-setengah pihak yang tidak senang dengan kedudukan Raja di dalam perlembagaan atau oleh setengah-setengah pihak yang ingin terus berdendam kerana suatu cita-cita yang tersemat di dalam lubuk hati mereka.

Sebenarnya isu pembelian kereta oleh Raja-Raja Melayu adalah satu isu yang simpel, jelas dan direstukan oleh peraturan-peraturan negeri yang sah. Oleh sebab itulah sebelum ini ia tidak pernah menjadi isu yang diberi liputan sebagai berita utama negara.

Jika peruntukan peraturan mengenai pembelian kereta oleh Raja-Raja Melayu itu dibaca tanpa prasangka dan dendam-dendam halus, tentulah tidak ada perkara yang boleh dijadikan isu hangat kerana istilah-istilah yang digunakan dalam peraturan-peraturan itu cukup jelas dan tidak mungkin mendatangkan kekeliruan.



***Raja-Raja Melayu
harus dipandang
sebagai Imam,
pemimpin dan
pemerhati yang
memikul amanah
agama Allah***

Sehubungan dengan aspek ini Beta tidak akan mengambil masa sidang hadirin yang berharga ini untuk menjelaskan dengan terperinci. Cukuplah dengan kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Kelantan yang tersebar dengan luas di seluruh negara ini melalui akhbar Strait Times pada 25 Mac 1992 yang lepas, di mana dibutirkan dengan jelas peruntukan peraturan pembelian kereta oleh Raja-Raja dan beberapa imbasan suasana yang diwujudkan untuk maksud-maksud penghinaan dan penampilan budaya kasar dalam pengurusan untuk menerima kereta itu. Beta percaya sebahagian besar dari para hadirin telah pun membaca kenyataan akhbar itu.

Di masa-masa kebelakangan ini terdapat usaha-usaha membesar-besarkan isu-isu yang kecil untuk dijadikan alasan agar Raja-Raja Melayu tidak diberi imej dan gambaran yang wajar seperti yang diperakukan di dalam perlembagaan, di mana fungsi-fungsi kekebalan dan keistimewaan Raja-Raja Melayu telah dibutirkan dengan terperinci.

Walau bagaimana pun, namun usaha-usaha itu tidak dapat menafikan bahawa Perlembagaan Negeri dan Persekutuan telah meletakkan dua tugas yang amat penting di atas bahu Raja-Raja Melayu.

Tugas pertama ialah menjadi ketua agama Islam. Jika tugas ini dihuraikan dengan konsep Islamiah, maka Raja-Raja Melayu harus dipandang sebagai Imam, pemimpin dan pemerintah yang memikul amanah agama Allah dan bertanggungjawab terhadap kepimpinan dan kedaulatan agama Islam dan terhadap keselamatan dan keistimewaan agama Islam dalam segala bidang hidup di negeri ini.

Di sini perlembagaan telah memberi tapak yang kukuh kepada perkembangan agama Islam di bawah fungsi Raja-Raja di mana keunggulan Islam dan kepimpinannya tidak lagi merupakan suatu cita-cita seperti di setengah-setengah negara Islam yang lain,



la adalah sesuai dengan ikrar Raja-Raja Melayu yang bersumpah dengan Al Quran karim dalam upacara pertabalan masing-masing bahawa baginda akan memerintah dengan adil dan saksama.

malah ia merupakan suatu hakikat perlembagaan yang menyediakan ruang keemasan untuk pengisian yang ikhlas dan bermakna.

Tugas kedua ialah menjadi pemelihara dan pelindung kedudukan dan hak-hak istimewa orang-orang Melayu, iaitu hak-hak yang tidak boleh dipinda, diubah dan dihapuskan oleh mana-mana kuasa tanpa persetujuan Raja-Raja Melayu.

Di sini juga perlembagaan telah memberi tapak yang kukuh kepada survival dan kesinambungan bangsa Melayu serta ketuannya di atas negara ini dibawah fungsi Raja-Raja Melayu yang tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun. Ini juga bermakna bahawa hak ketuanan bangsa Melayu di negara ini - di bawah fungsi Raja-Raja Melayu - bukanlah merupakan sesuatu impian dan cita, malah ia merupakan satu realiti yang kukuh dalam perlembagaan yang menunggu pengisian yang positif.

Sebagai ketua-ketua agama Islam di negeri masing-masing, maka tidak ada Code of Ethic yang lain yang mengikat Raja-Raja Melayu selain dari Code of Ethic Al-Quran, Al-Sunnah dan Sirah Rasulullah Sallallahu'alaihi wassalam. Inilah satu-satunya Code of Ethic yang berupaya mengikat setiap Muslim mulai dari Raja-Raja, Ketua-Ketua Negara, Perdana-Perdana Menteri, Menteri-Menteri Kabinet, pegawai-pegawai dari semua lapisan dan rakyat jelata dari semua peringkat. Inilah satu-satunya Code of Ethic yang digubal di langit tanpa terpengaruh kepada segala kepentingan golongan dan bebas dari segala emosi dendam-dendam manusia yang halus. Ia adalah sesuai dengan ikrar Raja-Raja Melayu yang bersumpah dengan Al-Quranul Karim dalam upacara pertabalan masing-masing bahawa baginda akan memerintah dengan adil dan saksama.

Untuk mengakhiri ucapan Beta, sekali lagi Beta mengambil kesempatan di bulan yang mulia ini untuk meningkatkan sekalian rakyat Negeri Kelantan yang cintakan kebenaran dan keadilan

supaya sentiasa berhati-hati, berwaspada dan peka terhadap segala perkembangan-perkembangan segala berita dan cerita yang berlaku agar mereka tidak menjadi mangsa kekeliruan dari dendam-dendam yang halus, keinginan-keinginan yang berkepentingan dan kehendak-kehendak yang tidak senang dengan status quo yang wujud pada hari ini.

Marilah kita bersama insaf dengan perasaan yang khusus dan trendah diri bahawa segala sesuatu berada di tangan kudrat dan iradat Allah. Dialah sahaja yang berkuasa mengurniakan kekuasaan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dan mencabut kekuasaan dari siapa yang dikehendaki-Nya dan seluruh manusia akan dikembalikan kepada Allah untuk membawa amalan masing-masing dan hati masing-masing yang telah dihiasi di dunia dengan iman dan taqwa masing-masing atau dinodai oleh nafsu dan keinginan-keinginan buruk masing-masing.

Wabillahi tawfik.

Kalaulah takhta dapat memainkan peranan mengikut lunas-lunas perlembagaan tanpa di pengaruhi oleh anasir-anasir luar perlembagaan, maka selama itulah takhta akan terus kekal bukan sahaja di istana tetapi juga dalam hati dan sanubari setiap rakyat jelata.

Sultan Azlan Shah

Kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia

5 Julai 1992

MENJUNJUNG titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agung dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-raja, maka inilah saya memaklumkan bahawa Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja telah berkenan mengadakan Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan setelah menimbangkan pandangan-pandangan dari pihak Kerajaan Persekutuan.

Bersama-sama ini saya kembalikan satu salinan perisytiharan tersebut dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk makluman.

Beberapa peristiwa yang berlaku baru-baru ini dan menjadi pengetahuan umum telah mendorong Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Pemerintah menyediakan Perisytiharan yang di luar jangkaan ini bagi menjelaskan salah tafsiran berkaitan kedudukan, status, kuasa dan hak-hak keistimewaan Duli-duli Yang Maha Muli Raja-raja Pemerintah.

Setelah mengadakan beberapa kali mesyuarat Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Pemerintah berkenan dengan perkara-perkara berikut:-

- a) Bahawa perbincangan diadakan dengan wakil-wakil Kerajaan Persekutuan bagi menimbangkan perkara-perkara yang memerlukan penjelasan;
- b) Bahawa kebanyakan perkara-perkara yang dibangkitkan telahpun diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Negeri ataupun Amalan Perlembagaan; dan

- c) Bahawa di dalam hal-hal tertentu, satu Perisytiharan di buat oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Pemerintah untuk menentukan kedudukan sebenar dari segi perlembagaan dan prinsip-prinsip yang berkaitan bagi menjelaskan sebarang kekeliruan yang timbul di fikiran orang ramai.

Perisytiharan Prinsip-prinsip Perlembagaan ini disediakan secara bersama Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Pemerintah sendiri dan Perisytiharan ini seterusnya telah dipersetujui oleh wakil-wakil kerajaan Persekutuan.

Saya juga telah dititahkan memaklumkan bahawa, jika hendak disiarkan, maka segala perkataan dalam Perisytiharan dan kenyataan ini tidak boleh dipinda dan Perisytiharan ini hendaklah disiarkan dengan sepenuhnya.

Perisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan

PERISYTIHARAN
bertarikh 4 Julai 1992 dan dibuat oleh
KITA:

DYMM SPB Yang diPertuan Agong IX Sultan Azlan Muhibbuddin Shah ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Ghafarullah-Lahu Shah; DYMM Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail, Raja Perlis Indera Kayangan; DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, Sultan Selangor Darul Ehsan; DYMM Tuanku Fa'far ibni Almarhum Tuanku AbdulRahman, Yang diPertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus; KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'Adzam Shah, Sultan Pahang Darul Makmur; DYMM Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah ibni Almarhum Tuanku Al Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Sultan Terengganu Darul Iman; dan KDYMM Raja Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan.

BAHAWASANYA Perkara 71 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Persekutuan adalah menjamin hak Raja sesebuah negeri untuk mewarisi dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak Perlembagaan dan keistimewaan-keistimewaan Raja negeri itu mengikut Perlembagaan negeri itu;

DAN BAHAWASANYA mengikut Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa RAja-Raja dalam wilayah mereka masing-masing sebagaimana yang telah ada dan dinikmati hingga sekarang, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan berkenaan, adalah tetap tidak tersentuh;

DAN BAHAWASNYA KITA berhasrat supaya Perlembagaan dan Undang-Undang Malaysia dipatuhi oleh semua rakyat negara ini sepanjang masa;

DAN BAHAWASNYA KITA berpegang teguh kepada prinsip-prinsip "the Rule of Law";

DAN BAHAWASANYA untuk mengelakkan sebarang salah tafsiran mengenai kedaulatan, hak kedaulatan, kuasa dan bidang kuasa:

MAKA, KITA, dengan ini membuat Perisytiharan mengenai bentuk dan had hak-hak keistimewaan dan bidang kuasa yang berikut:-

1. PENGLIBATAN DALAM POLITIK

1.1. Selaras dengan amalan dan konvensyen KITA tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam parti politik.

2. PERLANTIKAN MENTERI BESAR.

2.1. Selaras dengan Perlembagaan Negeri, KITA memperkenalkan pencalonan seorang yang mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli-ahli dalam Dewan Undangan Negeri sebagai Menteri Besar.

2.2. Sekiranya tidak ada parti yang mendapat majoriti yang jelas di dalam Dewan Undangan Negeri, KITA hendaklah menggunakan budi bicara KITA dalam perlantikan tersebut selaras dengan prinsip-prinsip tertentu.

2.3. Apabila KITA tidak puas hati di atas kesesuaian orang yang dicalonkan sebagai Menteri Besar, KITA boleh merujuk

pencalonan tersebut bagi dipertimbangkan semula oleh pemimpin parti berkenaan untuk keputusan muktamad.

3. PERLANTIKAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI

3.1. KITA mengakui bahawa perlantikan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri adalah atas nasihat Menteri Besar sendiri dan selaras dengan Perlembagaan Negeri, KITA memperkenalkan perlantikan tersebut.

4. BERTINDAK ATAS NASIHAT

4.1. KITA akan bertindak atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Menteri Besar selaras dengan peruntukan Perlembagaan Negeri masing-masing.

4.2. KITA, selaras dengan amalan Perlembagaan yang tertentu, mengakui bahawa istilah "acting on advice" atau "Ruler in Council" dan lain-lain istilah yang serupa bermaksud bahawa KITA akan menerima dan memperkenalkan nasihat dari Kerajaan NEgeri sepertimana yang dipersembahkan oleh Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

4.3. Selaras dengan amalan Perlembagaan, KITA mempunyai hak untuk dirunding, hak memberi galakan, dan hak memberi peringatan kepada Kerajaan.

4.4. Lanjutan dari hak KITA untuk mendapat sebarang maklumat mengenai pentadbiran Negeri sepertimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan setiap negeri, KITA adalah berhak untuk disembah taklimat oleh Menteri Besar apabila dititah mengadap pada bila-bila masa dan juga sebelum sesuatu mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

5. PERLANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI TINGGI KERAJAAN

5.1. KITA akan melantik Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri atas perakuan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berkenaan

dan selaras dengan amalan dan peruntukan Perlembagaan Negeri, setelah nama calon dipersembahkan kepada KITA oleh Menteri Besar.

5.2. Selaras dengan amalan masa kini, KITA hendaklah dipersembah maklum terlebih dahulu semua perlantikan ketua-ketua Jabatan Persekutuan di peringkat Negeri.

5.3. KITA akan melantik ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri selaras dengan undang-undang negeri yang berkenaan.

6. PERNIAGAAN

6.1. KITA tidak boleh aktif dalam pemiagaan melainkan melalui pemegang amanah.

6.2. Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja boleh berniaga tetapi melalui pemegang amanah/penama (nominees).

7. PERBELANJAAN ISTANA

7.1. Datuk Pengelola Istana hendaklah mengawal dan mentadbir peruntukan perbelanjaan Istana yang ditetapkan dalam Peruntukan Diraja (Civil List) mengikut peraturan kewangan.

8. AGAMA

8.1. Selaras dengan prinsip Perlembagaan yang memperuntukkan bahawa KITA adalah Ketua Agama Islam di Negeri masing-masing, KITA mengesahkan kedudukan KITA bahawa KITA akan terus mendokong ajaran dan amalan agama Islam.

9. MEDIA MASSA

9.1. KITA selaras dengan amalan Perlembagaan, tidak seharusnya mendedah atau membincangkan dengan pihak media massa apa-apa perkara yang mungkin menimbulkan kontroversi mengenai hal ehwal pentadbiran negeri.

*10. DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI PERTUAN AGONG*

10.1. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Perlembagaan Persekutuan. Perisytiharan ini akan dipakai, Mutatis mutandis terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong.

PERUNTUKAN KECUALIAN

Perisytiharan ini dibuat dengan tujuan untuk memberi penjelasan dan jaminan dan sesungguhnya dibuat tanpa prasangka kepada mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan Negeri, Konvensyen yang sedia ada dan hak-hak keistimewaan.

Statement to clear confusion among people

*STATEMENT by the Keeper of the Rulers' Seal
on the Proclamation of Constitutional Principles.*

BY command of the Duli Yang Maha Mulia SEri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong and Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, I hereby announce that their Majesties have consented to make the Proclamation of Constitutional Principles after considering views from the Federal Government. With this I attach a copy of the proclamation in Bahasa Malaysia and English for publication.

2. Several recent incidents which are public knowledge have prompted the Rulers to draw up this unexpected Proclamation to clear misinterpretations concerning the position, status, power and special privileges of the Rulers.

3. After conducting several meetings, the Rulers have consented to the following:

- a) that discussions be held with representatives of the Federal Government to consider matters which needed explanation;
- b) that most of the matters raised have been provided for under the Federal Constitution or State Constitution or Constitutional practices; and
- c) that in certain matters, a Proclamation be made by the Rulers to ascertain the actual position based on the Constitution and related principles to clear any confusion arising in the minds of the people.

4. This Proclamation of Constitutional Principles was jointly drawn up by the Rulers themselves and the Proclamation was subsequently agreed to by the representatives of the Federal Government.

5. I have also been commanded to inform that, if for publication, every word in the Proclamation and this statement cannot be amended and this Proclamation must be published in full.

6. This is the end of the statement I have been commanded to make.

(Engku Datuk Ibrahim bin Engku Ngah)
Keeper of the Rulers' Seal Malaysia.

5.7.92

Rulers clarify rights, powers

PROCLAMATION of Constitutional Principles

Proclamation dated July 4, 1992, and made by us:

DYMM SPB Yang di Pertuan Agong IX Sultan Azlan Shah ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Ghafarullahu-Lahu Shah; DYMM Tuanku Syed Putra ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail, Raja Perlis Indera Kayangan; DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Alhaj, Sultan Selangor Daruk Ehsan; DYMM Tuanku Ja'afar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman, Yang diPertuan Besar Negri Sembilan Darul Khusus; DYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Sultan Pahang Darul Makmur; DYMM Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah ibni Almarhum Tuanku Al Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Sultan Terengganu Darul Iman; dan KDYMM Raja Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan.

WHEREAS by Article 71 of the Federal Constitution it is provided inter alia that the Federation shall guarantee the right of a Ruler of a State to succeed and to hold, enjoy and exercise the constitutional rights and privileges of Rulers of that State in accordance with the Constitution of that State;

And whereas by Article 181 of the Federal Constitution the sovereignty, prerogatives, powers and jurisdiction of the Rulers within their respective territories as hitherto had and enjoyed shall, subject to the provisions of the said Constitution, remain unaffected;

And whereas we are desirous that at all times the Constitution and the laws of Malaysia are upheld in the nation by all persons;

And whereas we subscribe to the principles of the rule of law;

And whereas to avoid any misinterpretation as to the nature and extent of their sovereignty, prerogatives, powers and jurisdiction:

Now, therefore, we, hereby make the following proclamation on the nature and extent of such prerogatives and powers:

1. Involvement in politics

1.1. In accordance with established practice and convention, we are not directly or indirectly involved in party politics.

2. Appointment of Menteri Besar

2.1. In accordance with the State Constitution, we shall accept the nomination of a person who commands the confidence of the majority of the members of the Legislative Assembly as the Menteri Besar.

2.2. Where no party has a clear majority in the Legislative Assembly, we shall exercise our own discretion in such appointment in accordance with accepted constitutional principles.

2.3. When we have any reservation as to the suitability of any person nominated as Menteri Besar, we may refer the nomination for reconsideration by the leader of the appropriate party for a final decision.

3. Appointment of State Executive Council Members

3.1 We accept that the appointment of members of the State Executive Council is made on the advice of the Menteri Besar alone and that in accordance with the State Constitution, we shall approve such appointments.

4. Acting on advice

4.1. We shall, in accordance with the general principle provided in each State Constitution, act on the advice of the State Executive Council or of the Menteri Besar.

4.2. We recognise that in accordance with established constitutional practice, the terms "acting on advice" or "Ruler in Council" and other similar terms mean that we shall accept the advice of the Government of the State as tendered by the Menteri Besar and the State Executive Council.

4.3. In accordance with established constitutional practice, we shall have the right to be consulted, the right to encourage and the right to caution the Government.

4.4. In furtherance of our right to request any information concerning the Government of the State as provided for in each State Constitution, we shall have the right to be briefed by the Menteri Besar as and when requested by us and also prior to each meeting of the State Executive Council.

5. Appointment of senior government officers

5.1. We shall appoint the State Secretary, the State Legal Adviser and the State Financial Officer on the recommendation of the appropriate Public Service Commission, and also in accordance with the practice and the provisions of the State Constitution, after the name of the candidate has been submitted to us by the Menteri Besar.

5.2. In accordance with the present practice, we shall be consulted before appointments are made of all heads of Federal Departments in the State.

5.3. We shall appoint the members of the State Public Service Commission in accordance with the relevant State legislation.

6. Business

6.1. We shall not actively engage in any commercial enterprise except by way of trust.

6.2. His Royal Highness the Regent may through trustees/nominees participate in any commercial enterprise.

7. Expenses of the Royal Household

7.1. The Comptroller of the Royal Household shall control and administer the allocations provided for in the Civil List, in accordance with the financial procedure.

8. Religion

8.1. In accordance with the constitutional principle that we are the heads of the religion of Islam in our respective States, we reaffirm our position that we will uphold the teachings and practice of Islam.

9. The media

9.1. We, in accordance with constitutional practice, do not disclose to or discuss with the media any matter pertaining to the administration of the State which is likely to give rise to controversy.

10. His Majesty the Yang DiPertuan Agong

10.1. Unless otherwise provided for in the Federal Constitution, this Proclamation shall apply, mutatis mutandis to His Majesty the Yang DiPertuan Agong.

Saving

This proclamation is made for the purpose of clarification and assurance and is made without prejudice to the provisions of the Federal Constitution, the State Constitutions and existing convention and prerogatives.

Made at the Istana Negara this July 4,, 1992.
By Their Royal Highnesses' Command,
(Engku Datuk Ibrahim bin Engku Ngah)
Keeper of the Rulers' Seal.

ENAM PERKENAN PERISYTIHARAN

5 Julai 1992

Oleh Wan Hamidi Hamid

KUALA LUMPUR: Enam daripada sembilan Raja Melayu memperkenankan Perisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan, satu dokumen yang mengandungi 10 garis panduan perilaku raja-raja, pada satu upacara di Istana Negara petang semalam.

Perisytiharan itu diperkenankan oleh Raja Perlis, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Sultan Pahang, Sultan Selangor, Sultan Terengganu dan Pemangku Raja Perak.

Upacara itu disaksikan oleh Yang diPertuan Agong Sultan Azlan Shah dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Besar enam negeri itu dan pemimpin tertinggi Umno yang merangka perisytiharan berkenaan.

Perisytiharan Prinsip-Prinsip Perlembagaan yang dulunya dikenali sebagai Perisytiharan Raja-Raja ditandatangani oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Engku Datuk Ibrahim Engku Ngah, bagi pihak raja-raja, sebagaimana yang diperuntukkan undang-undang.

Sultan Kelantan, Sultan Kedah dan Sultan Johor tidak menandatangani perisytiharan itu.

Sultan Terengganu dan Sultan Selangor, yang memberi perkenan baginda terhadap perisytiharan itu, tidak hadir kerana gering.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Umno dan kerajaan menjunjung kasih atas persetujuan raja-raja memperkenan perisytiharan itu.

"Perisytiharan itu adalah hasil muafakat di antara wakil Majlis Tertinggi (MT) Umno dan berikutnya, wakil kerajaan dan raja-raja Melayu, melalui beberapa siri perbincangan," katanya ke-

pada pemberita selepas upacara menandatangani perisytiharan itu.

Antara garis panduan utama ialah mengistiharkan raja-raja tidak terbabit secara langsung atau tidak langsung dalam parti politik, tidak boleh aktif dalam pemiagaan kecuali melalui pemegang amanah dan tidak mendedah atau membincangkan dengan media massa mengenai perkara yang mungkin menimbulkan kontroversi berhubung hal-ehwal pentadbiran negeri.

Ia juga menyentuh kuasa raja berhubung perlantikan Menteri Besar, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan pegawai tinggi kerajaan.

Perisytiharan itu menjelaskan raja-raja akan bertindak atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Menteri Besar selaras dengan peruntukan perlembagaan negeri masing-masing.

Selaras dengan amalan perlembagaan tertentu, raja-raja dalam perisytiharan itu, mengakui istilah 'acting on advice' atau 'ruler in council; dan istilah lain yang serupa bererti raja-raja akan menerima dan memperkenankan nasihat kerajaan negeri sebagaimana yang dipersembah oleh Menteri Besar dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Perisytiharan itu juga menyatakan Datuk Pengelola Istana perlu mengawal dan mentadbir peruntukan perbelanjaan istana yang ditetapkan dalam Peruntukan Diraja (Civil List) mengikut peraturan kewangan.

Menurut Anwar yang juga jurucakap wakil Umno dan kerajaan, perisytiharan itu akan dapat memantapkan prinsip Raja Berperlembagaan dan mengukuhkan hubungan di antara istana dan kerajaan untuk menjamin keberkesanan pentadbiran kerajaan daj kesejahteraan rakyat.

"Pendirian Umno dan kerajaan mengenai kedudukan raja-raja Melayu dan prinsip Raja Berperlembagaan serta konvensyen Perlembagaan diperjelas dalam perisytiharan terbabit," katanya.

Ditanya mengenai raja-raja yang tidak memberi perkenan kepada perisytiharan itu, Anwar berkata, kerajaan yakin dapat mengadap Sultan Kedah dan Johor untuk menjelaskan lebih lanjut mengenai perisytiharan itu.

TERBUNAL BEBAS PERLU AWASI KOD ETIKA

KOTA BHARU - Cadangan Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Aziz Nik Mat yang mengesorkan supaya Raja-Raja Melayu membentuk kod etika perilaku menteri-menteri, ahli-ahli exco dan tokoh-tokoh politik telah mendapat perhatian dan sokongan rakyat.



Tuan Guru Haji Nik Aziz

Beberapa orang tokoh politik tempatan dan penulis yang ditemui telah menyatakan sokongan terhadap syor yang dikemukakan oleh Menteri Besar

Kelantan itu demi untuk mengimbangi dan menghalang para pemimpin parti politik yang berkuasa daripada melakukan amalan-amalan khurafat dan sebagainya.

Seorang pengarang dari sebuah akhbar mingguan yang namanya tidak mahu disiarkan menggesa para pemimpin parti pembangkang yang lain supaya memberi sokongan padu kepada cadangan yang dikemukakan oleh Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz itu.

Katanya, "kalau UMNO sudah membentuk kod etika Perilaku raja-raja mengapa raja-raja Melayu tidak boleh buat cadangan bagi membentuk kod etika untuk tokoh-tokoh politik yang berkuasa pula."

Pengarang tersebut juga sependapat dengan Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz bahawa para pemimpin parti yang memerintah khususnya menteri-menteri dan ahli-ahli exco lebih berkuasa dari raja-raja Melayu.

Sementara itu beberapa orang tokoh politik menganggap cadangan Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz supaya sebuah badan tribunal yang terdiri dari semua parti politik diwujudkan bagi mengawasi dan menilai kedua-dua kod etika perilaku yang dikemukakan oleh pemimpin UMNO tidak dapat diterima oleh sebahagian besar rakyat negeri Kelantan ini.

Rata-rata rakyat Kelantan menyifatkan kenyataan Datuk Seri Anwar Ibrahim itu adalah untuk melindungi taktik kasar yang digunakan keatas raja-raja Melayu.

Media Islam
1.5.92/3

Menteri-menteri perlu ada kod etika

Kota Bharu: Menteri Besar Kelantan Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat menegaskan, menteri-menteri juga patut dikenakan kod etika kerana merekalah golongan yang mempunyai banyak kuasa dalam pemerintahan negara.

"Jikalau raja yang tidak begitu banyak kuasapun kena ada kod etikanya, maka orang politik yang mempunyai kuasa banyak begini lebih-lebih lagi di negara kita sekarang, mereka lebih mustahak dikenakan kod etikanya," katanya kepada para pemberita ketika di minta mengulas tindakan UMNO berhubung kod etika raja-raja yang dikemukakan.

"Begitu juga dengan pihak yang ketiga iaitu hakim yang menentukan siapa yang bersalah dan siapa yang sebaliknya, tidak boleh hanya terdiri dari satu pihak (dari satu parti sahaja) sebaliknya mestilah terdiri dari pelbagai parti," tambah beliau.

Katanya di dalam menyediakan kod etika ini, selain dari kod etika raja-raja, kod etika menteri ataupun dengan kata lain kod etika orang politik perlu diberi perhatian yang lebih.

Bagi pihak ketiga ini jugalah katanya, mesti ada satu badan kehakiman ataupun menubuhkan tribunal yang terdiri daripada semua anggota parti termasuklah yang paling mustahak menganggotai tribunal itu.

Bahkan katanya, parti pembangkang perlu diberi peranan utama dalam jawatankuasa tribunal yang ditubuhkan itu bagi memastikan kod etika itu berjalan mengikut kehendak yang ditetapkan kalau tidak ia hanya sekadar cakap-cakap sahaja.

“Kod etika untuk sebelah pihak saja tidak memadai melainkan ia turut dikenakan sama ke atas menteri-menteri,” tegasnya.

Kata Tuan Guru, semuanya ini mesti diambil kira secara adil supaya kod etika yang dicadangkan itu membuahkan kejayaan dan mencapai matlamatnya dan bukan hanya diadakan untuk sebelah pihak sahaja.

Harakah
1.5.92/2

Kod etika perilaku menteri disokong

Kuala Lumpur: Pandangan Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat supaya raja-raja Melayu membentuk kod etika perilaku menteri-menteri, Exco dan orang-orang politik dalam usaha untuk mengimbangi dengan kod etika perilaku ke atas mereka adalah suatu yang wajar.

Naib Yang Dipertua PAS Pusat, Dr. Sanusi Daeng Mariok, berkata syor Menteri Besar Kelantan adalah wajar kerana raja-raja yang mempunyai kedudukan yang tertinggi pun dibentuk kod etika perilaku mereka apatah lagi golongan yang lebih rendah daripada raja-raja.

"Jadi kod etika orang-orang politik adalah lebih wajar dibentuk oleh raja-raja Melayu," ujar beliau.

Baru-baru ini, Tuan Guru Nik Abdul Aziz mengesyorkan dibentuk kod etika orang-orang politik oleh raja-raja Melayu dalam usaha untuk mengimbangi dengan kod etika perilaku ke atas mereka.

Menurut Menteri Besar Kelantan itu, kod etika itu perlu dibentuk kerana pada pandangannya golongan orang-orang politik yang lebih berkuasa daripada raja-raja.

Tambah beliau, jika orang politik boleh membentuk kod etika perilaku raja, maka mlai sekrang raja juga perlu membentuk kod etika perilaku orang-orang politik pula.

"Sekiranya kod etika orang-orang politik ini dibentuk, maka berulah wujud timabgtara (check and balance) di antara kedua-dua fungsi itu iaitu pihak menteri, orang-orang politik dengan raja-raja itu sendiri," tambah beliau.

Sepatutnya kod etika tersebut dibentuk khusus untuk Perdana Menteri, Timbalannya, Menteri-menteri dan orang-orang politik.

Ini kerana katanya, banyak orang-orang politik khususnya pemimpin Barisan Nasional tidak tertakluk kepada undang-undang yang ada sekarang.

Barangkali kata Haji Shukri, dari segi perbuatan tidak menjadi kesalahan tetapi banyak kesalahan dari segi moral telah berlaku.

Mengulas tuduhan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa Tengku Razaleigh Hamzah menghasut Raja-raja Melayu beliau berkata soal tersebut tidak timbul sama sekali.

"Baginda al-Sultan Kelantan mempunyai sikap yang tersendiri dan tidak ada satupun undang-undang yang mengikat mereka," jelas beliau.

Bahkan kata beliau Datuk Seri Anwar yang patut meminta maaf kepada Sultan Kelantan dalam isu kereta Lamborghini Diablo dan bukannya mengarahkan kastam berbuat demikian.

Harakah
1.5.92/24

Takhta Merak Kayangan di Iran telah dialih dari istana ke Muzium sejarah kerana rakyat Iran tidak lagi memberi kepercayaan dan taat setia kepada takhta”

Sultan Azlan Shah



INI MEMONYA... Anwar Ibrahim dan Mohamed Rahmat memegang salinan memorandum MT Umno yang diserahkan kepada Raja-Raja Melayu, semalam.



فرتو بهنك بسانف لايونرسا تو (بارو)

PERTUDUHAN KEDANGSAAN MELAYU BERSATU (DARU) ATAU UMNO
(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION)

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

24hb. Februari, 1992

Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di
Pertuan Agong.

Ampun Tuanku.

Ahli-ahli Majlis Tertinggi bagi pihak keseluruhan ahli-ahli UMNO, ingin menyampaikan warkah ini ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk memaklumkan perasaan, pandangan dan kebimbangan patik-patik sekalian atas rungutan dan kegelisahan rakyat jelata terhadap perilaku Raja-Raja Melayu yang telah menyebabkan terhakisnya pandangan baik rakyat terhadap Raja-Raja, yang mengancam dan seterusnya boleh meruntuhkan Institusi Raja itu sendiri.

2. Perlu patik-patik sekalian nyatakan bahawa ini bukanlah kali pertama UMNO mengemukakan rungutan dan perasaan tidak senang rakyat berkaitan dengan perilaku Raja-Raja. Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj walaupun seorang putera Raja, pernah menyatakan yang peruntukan dalam perlembagaan yang memberi kuasa tertentu sebagai Raja Berperlembagaan telah menimbulkan salah faham Raja-Raja tentang peranan dan fungsi Raja-Raja dan telah menyebabkan hubungan Raja dengan rakyat

menjadi renggang dan terjejas. Allahyarham Tun Husein Onn juga telah menyampaikan ucapannya kepada Majlis Raja-Raja untuk menjelaskan dengan teliti dan terperinci permasalahan perhubungan Raja dan rakyat kerana pelanggaran yang dilakukan terhadap amalan Raja Berperlembagaan dalam Mesyuarat Raja-Raja Ke-112 pada hari Khamis, 29hb. September, 1978. Ucapan ini telahpun diedarkan kepada Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO pada masa itu.

3. Pada tahun 1990, kerana perasaan terhadap perkara tersebut menjadi lebih runcing dan ketara, Perhimpunan Agung UMNO telah membawa satu usul mengenai Raja. Sayugia diingati bahawa wakil-wakil UMNO sebagai mewakili orang Melayu terpaksa membincangkan usul tersebut oleh kerana ia dianggap penting bagi menentukan Institusi Raja itu tidak tercemar dan terus selamat. Di antara lain, dalam perbahasan tersebut ahli-ahli UMNO telah membangkit dan mempersoalkan penglibatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan dan Raja Perempuan Kelantan yang melibatkan diri dalam soal kepartian dalam pilihanraya tahun itu. Setelah Perhimpunan Agung UMNO itu selesai, usul UMNO mengenai Raja-Raja Melayu itu telah disampaikan kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu melalui Ketua-Ketua Perhubungan UMNO tiap-tiap negeri. Pada ketika itu patik-patik sekalian yakin, bahawa ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menerima pandangan-pandangan yang dikemukakan dan tentunya akan melahirkan perubahan dan membawa satu era baru dalam perhubungan Raja dan rakyat.

4. Pada tahun 1991, ahli-ahli berpendapat bahawa usul yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung tidak membawa apa-apa kesan dan perubahan yang diharapkan. Oleh hal yang demikian, Perhimpunan Agung UMNO telah bergema sekali lagi dengan kritikan yang lebih lantang terhadap Raja-Raja. Bagi meredakan suasana ini, Yang Amat Berhormat Presiden UMNO dengan sokongan sepenuhnya oleh Majlis Tertinggi mendapati perlu

untuk menulis surat kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 13hb. Januari, 1992. Walau bagaimanapun, patik-patik sekalian berasa tidak memadai dan tidak tepat jika hanya Yang Amat Berhormat Timbalan Presiden sahaja yang dibebankan untuk menyampaikan pendapat dan perasaan rakyat tentang peranan dan fungsi Raja Berperlembagaan dan sedangkan pandangan yang sama dipegang oleh Majlis Tertinggi dalam soal hakisan kepercayaan rakyat terhadap Raja-Raja. Perkara ini juga sudah menjadi satu masalah masa depan negara. Justeru itu adalah menjadi tanggungjawab bersama patik-patik sekalian sebagai Ahli-Ahli Majlis Tertinggi untuk sekali lagi menjelaskan kepada Duli-Duli Tuanku berkenaan perkara tersebut.

Ampun Tuanku,

5. Patik-patik sekalian melihat perdebatan di kalangan orang Melayu berkenaan permasalahan ini semakin terbuka dan berlanjutan. Dan lebih merumitkan ialah keranan perbahasan ini berkaitan dengan perilaku Raja-Raja yang telah menimbulkan kegelisahan dan kebimbangan rakyat. Di antara perkara-perkara yang menjadi isu adalah seperti berikut:-

5.1. Raja dan Perlembagaan

Peruntukan prinsip dan amalan yang termaktub dalam Perlembagaan Negara dan Perlembagaan Negeri adalah jelas. Namun demikian adalah didapati bahawa Raja-Raja telah dari masa ke semasa campurtangan dalam urusan pentadbiran dan politik negeri-negeri sehingga menjejaskan kuasa kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Rakyat telah mula menyoal dan pertikaikan campurtangan dan penglibatan Raja dalam pemerintahan yang berteraskan Sistem Demokrasi Berparlimen. Banyak contoh telah diberikan

mengenai campurtangan Raja-Raja secara langsung dalam hal-hal yang berkaitan dengan penerimaan nasihat (sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan), politik dan pentadbiran.

5.1.1. Penerimaan nasihat

5.1.1.1 Dalam hal ini patik-patik ingin memperkatakan tentang timbulnya perkara bersabit dengan gagasan "Ruler in Council". Mengikut amalan sejagat dalam Sistem Raja Berperlembagaan, "Ruler in Council" tidaklah menjadi suatu cara membuat keputusan oleh Raja-Raja sendiri. Tetapi di sebaliknya mengikut amalan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan hak dan tanggungjawab membuat sesuatu keputusan terletak kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Peranan Raja-Raja adalah untuk menerima dan memperkenankan keputusan serta nasihat yang telah dibuat oleh kerajaan, melalui Menteri Besar dan EXCO-nya.

5.1.1.2. Perlantikan Menteri Besar dan EXCO Kerajaan Negeri

Mengikut amalan dan prinsip Raja Berperlembagaan, parti yang memerintah akan menasihat Raja-Raja mengenai perlantikan Menteri Besar dan EXCO Kerajaan Negeri dan Raja-Raja hendaklah memperke-

nankan perlantikan-perlantikan tersebut. Budibicara yang diberi mengikut peruntukan Perlembagaan samada di peringkat negeri atau persekutuan perlu dilakukan selaras dengan kehendak amalan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Dalam lain perkataan dan lebih jelas boleh dikatakan yang perlantikan Menteri Besar dan EXCO Kerajaan Negeri terletak secara mutlak di atas keputusan parti yang mendapat dukungan majoriti daripada rakyat dalam pilihanraya umum. Justeru itu seharusnya tidak ada langsung campurtangan Raja-Raja dalam perlantikan Menteri Besar dan EXCO Kerajaan Negeri.

5.1.2. Politik

Sebagaimana Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja sedia maklum bahawa salah satu asas terpenting dalam menentukan kedaulatan Raja dan mempertahankan Sistem Beraja, Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja tidak boleh terlibat dalam politik samada secara langsung ataupun tidak. Apabila Raja memberikan pendapat atau berkempen secara terbuka bagi mana-mana parti politik, akibatnya nama baik Raja-Raja akan terjejas dan kedudukannya sebagai lambang perpaduan negeri dan negara boleh dipersoalkan dan tercemar, kerana ia membawa kepada cemuhan dan kritikan rakaat.

5.1.3. Pentadbiran

Dalam hal pentadbiran, campurtangan dan penglibatan Raja menjadi amat ketara sekali apabila arahan secara langsung diberi mengenai perkara-perkara tertentu. Terdapat juga tindakan-tindakan yang menyerupai penderaan yang boleh menghina maruah seseorang pegawai semasa menjalankan tugasnya. Ini termasuklah soal perlantikan dan pertukaran Pegawai-pegawai Kerajaan.

5.2. Raja dan perniagaan

5.2.1 Penglibatan syarikat milik istana atau dinungi oleh Raja-Raja dianggap bersaing secara tidak adil dengan peniaga-peniaga Melayu. Syarikat-syarikat tersebut menggunakan kedudukan untuk mendapatkan kemudahan dan keistimewaan daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri.

5.2.2. Adalah didapati jumlah penawaran kawasan balak yang luas, tanah pembangunan, tanah lombong, kontrak-kontrak, lesen dan permit kepada syarikat-syarikat ini menimbulkan tandatanya rakyat terutamanya orang Melayu. Lebih-lebih lagi kalau terdapat keadaan di mana keistimewaan yang diperolehi telah dengan sewenang-wenangnya dipindahmilik kepada peniaga bukan Bumiputera.

5.3. Raja sebagai Ketua Ugama

5.3.1 Pengharapan umat Islam terhadap Raja-Raja untuk menjadi lambang ketinggian akhlak dan

peribadi yang mulia makin nyata dan meluap khususnya di kalangan generasi baru. Oleh kerana itu, kedudukan yang mulia yang diberikan kepada Raja-Raja sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan sewajarnya terserlah dan terbukti untuk menjadi contoh tauladan kepada rakyat. Umat Islam sangat sensitif, mudah tersinggung dan kerap kali pula mempertikatkan perilaku Raja-Raja dan juga kerabat yang tidak sesuai dengan taraf dan kedudukan yang mulia ini.

5.3.2. Perlu dijelaskan bahawa rungutan ini juga turut ditujukan kepada golongan kerabat yang seringkali bertindak berlebihan dan menambahcemarkan lagi kemuliaan darjat Raja-Raja. Rasa tidak puas hati yang dibangkitkan ini termasuklah mengenai tingkahlaku kerabat dan Raja-Raja di dalam dan di luar negeri.

5.3.3. Terdapat juga di mana institusi masjid telah disalahgunakan sebagai tempat untuk dakyah atau kepentingan politik tertentu.

5.4. Raja dan Media

Agak lebih merumitkan ialah kecenderungan Raja-Raja memilih untuk membuat kenyataan terbuka bahkan menyerang pentadbiran melalui media massa. Ini boleh dianggap bertentangan dengan peranan dan kedudukan Raja-Raja dan membuka ruang bagi pimpinan atau pentadbir negeri mengulas atau menjawab kenyataan tersebut. Jelas sekali dalam perkara ini Raja-Raja dalam tindakan dan komennya kepada media massa mencampuri hal pentadbiran

negeri yang sebenarnya dalam bidang kuasa Menteri-Menteri Besar dan EXCO Kerajaan Negeri.

5.5. Perbelanjaan Istana

Walaupun Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri menetapkan peruntukan yang mencukupi di bawah "Perbelanjaan dan Tanggungan Di Raja dan Pejabat Sultan", adalah didapati perbelanjaan berlebihan secara keterlaluan sering berlaku. Peruntukan besar dipohon untuk pembinaan dan pembesaran istana, majlis-majlis dan kunjungan rombongan besar ke luar negara. Adalah didapati projek-projek pembangunan luar bandar dan projek-projek kecil rakyat telah dibatalkan untuk menampung perbelanjaan tersebut, lebih-lebih lagi memandangkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara membangun.

6. Sejarah membuktikan bahawa Institusi Raja-Raja di seluruh dunia tidak mudah di pertahankan. Tingkahlaku Raja-Raja di setengah-setengah negara di dunia menyebabkan rakyat membe-rontak dan mendaulatkan sistem pemerintahan rakyat jelata. Shah Iran dibenci oleh rakyat jelata kerana waktu beliau bertakhta orang tidak berani bercakap benar padanya. Akhirnya Shah Iran digulingkan oleh rakyat jelata dan dikutuk oleh semua pihak termasuk tentera yang pernah mencium kakinya. Takhta Iran dan Sistem Beraja di Iran terhapus di Russia, Iraq, Mesir, China, India, Indonesia, Peranchis malahan di Melaka kerana akhirnya rakyat menolak mereka.

7. Pendek kata adalah tidak wajar bagi Raja-Raja campurtangan dalam bidang politik dan tidak menghormati keputusan yang dibuat oleh rakyat jelata sesuai dengan Sistem Raja Berperdem-bagaan dan Demokrasi Berparlimen yang sedia ada. Demikian juga adalah tidak wajar bagi Raja-Raja berniaga. Pada waktu itu keadilan tidak ada lagi kerana saingan yang tidak adil.

Ampun Tuanku,

8. Patik-patik dari UMNO ingin mengulangi dukungan parti dan kerajaan yang kuat terhadap Institusi Raja sebagai lambang perpaduan dan payung negara dan negeri. Namun demikian adalah penting supaya ia terus dipandang mulis, ia juga mewujudkan beberapa peraturan, kaedah yang harus dipatuhi bagi menjaga dan mengawas kepentingan Institusi tersebut.

9. Patik-patik sekalian akan dianggap cuai terhadap tanggungjawab sekiranya memilih untuk sekadar tunduk hormat di hadapan Raja-Raja dan sanggup menutupi atau menyelubungi kegelisahan rakyat. Disebaliknya, patik-patik memilih untuk mengemukakan secara jujur pandangan patik sekalian dengan rasa tanggungjawab bagi mengelakkan daripada meluap dan memuncaknya kemarahan rakyat. Hingga hari ini UMNO telah berusaha dan sengaja menutup segala kepincangan dan perilaku yang dilakukan oleh Raja-Raja dan kaum kerabat.

10. Adalah dipohon agar perkara-perkara yang dibangkitkan oleh patik-patik sekalian dipandang serius dan diambil tindakan wajar oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku demi kebaikan dan kedaulatan berterusan Institusi Raja-Raja dan Negara Malaysia tercinta.


11. Atas kesudian Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertemu dengan patik-patik dari Majlis Tertinggi UMNO, patik-patik sekalian menjunjung kasih Ke bawah Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

12. Ampun Tuanku.

Cadangan MUT, usul-susl ini dibawa ke Majlis Raja-Raja Melayu.

Bidangkuasa Yang di Pertuan Agong meliputi seluruh Persekutuan. Ketika menjadi Yang di Pertuan Agong Baginda tidak boleh melaksanakan tugasnya sebagai Raja Negerinya kecuali Ketua Agama Islam (Perlembagaan, Perkara 34(i). Sebagai Yang di Pertuan agong Baginda juga adalah Ketua Agama Islam dan empat Negeri lain iaitu Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak (Perlembagaan, perkara 3(3).

Sultan Azlan Shah



The King at the Rulers' conference. He is flanked by Dr. Mahathir and the Sultan of Terengganu (right). Picture by Shaliman Sharaf.

HAK SULTAN DICABUL

Kuala Lumpur: Memorandum yang dipersembahkan oleh UMNO kepada Raja-Raja Melayu baru-baru ini mengandungi amaran kepada Raja-Raja bahawa kedudukan mereka akan terancam sekiranya mereka tidak berhati-hati dan bertindak dengan cara-cara yang berlawanan dengan kehendak rakyat dan kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

Memorandum itu dikatakan memberi peringatan kepada Raja-Raja tentang nasib Raja-Raja di beberapah buah negara yang tidak menghiraukan kepentingan rakyat di negara mereka, seperti di Mesir, Iran, Afghanistan dan lain-lainnya.

Dalam memorandum itu juga, UMNO dikatakan membuat tafsiran mengenai hak Raja-Raja dalam perlantikan Menteri Besar dan Exco Kerajaan Negeri.

Menurut sumber-sumber istana, UMNO dikatakan telah menafikan hak Raja-Raja dalam perlantikan Menteri Besar dan ahli Exco Kerajaan Negeri. UMNO mentafsirkan perlembagaan itu bahawa pemilihan Menteri Besar adalah hak parti dan Raja-Raja tidak mempunyai kuasa langsung untuk campurtangan dalam perlantikan itu.

Menurut sumber itu lagi, Raja-Raja kurang senang dengan kandungan memorandum itu dan mengiranya bertentangan dengan perlembagaan Persekutuan.

Katanya, Perlembagaan Malaysia menggariskan dengan jelas tentang kuasa Raja-Raja melantik Perdana Menteri, dan menteri-menteri Besar.

Menurut perlembagaan, Yang Dipertuan Agung boleh bertindak mengikut budibicara dalam menjalankan tugas-tugas berikut;

- a) Perlantikan seorang Perdana Menteri.
- b) Menahan persetujuan atas permintaan untuk membubarkan parlimen.
- c) Menentukan mesyuarat Raja-Raja yang semata-mata mengenai keistimewaan, kedudukan, kemuliaan dan kebesaran Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, dan
- d) Dalam kes yang lain yang dinyatakan di dalam perkara 40(2) Perlembagaan Malaysia.

Peruntukan yang sama juga terkandung di dalam perlembagaan negeri-negeri dengan bebarapa pindaan.

Di sini kata sumber itu lagi, jelas menunjukkan UMNO telah mencabul hak Raja-Raja dan tafsiran mereka mengenai perlantikan Menteri Besar dan Exco adalah bertentangan dengan Perlembagaan Negara.

Dalam Perhimpunan Agung yang lalu sememangnya ada diusulkan supaya Perlembagaan dipinda untuk membolehkan perlantikan Menteri Besar dan Exco dibuat tanpa persetujuan Raja-Raja tetapi ianya masih belum dibuat.

Pejabat Peguam Negara juga dalam kenyataannya dalam sebuah akhbar tempatan baru-baru ini, menyatakan belum mendapat apa-apa arahan untuk mengkaji atau meminda perkara tersebut.

Media Islam
13.3.92/2

KEPENTINGAN DIRI PUNCA PERGESERAN

Usul pindaan perlembagaan untuk membolehkan Menteri Besar dilantik tanpa persetujuan Sultan, sebenarnya bukanlah merupakan jalan penyelesaian pertelingkahan antara orang politik dengan pihak istana. Pertelingkahan akan terus berlaku selagi antara keduanya tidak meletakkan kepentingan negara dan rakyat ditempat yang utama dalam tugas masing-masing.

Setiap pemimpin samaada ianya Sultan ataupun orang politik, harus sedar bahawa jawatan yang mereka pegang itu bukanlah bererti mereka boleh melakukan apa sahaja untuk kepentingan diri tetapi ia adalah merupakan amanat tuhan yang harus dilaksanakan dengan baik. Segala apa yang mereka dilakukan akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah di akhirat nanti.

Sekiranya setiap pemimpin menyedari hakikat ini, tidak timbul samaada seseorang Menteri Besar itu boleh bekerjasama dengan Sultan ataupun sebaliknya. Ini kerana antara keduanya tidak akan memikirkan kepentingan peribadi tetapi sebaliknya tugas yang mereka lakukan adalah untuk kepentingan negara dan rakyat.

Soalnya sekrang ini, kebanyakan pertelingkahan yang berlaku antara Sultan dan Menteri Besar adalah disebabkan masing-masing merasakan kepentingan mereka terganggu kerana wujudnya dua institusi yang sama-sama mempunyai kuasa dan pengaruh. Kuasa dan pengaruh kedua-dua institusi ini akan berkonflik sekiranya salah satu dari mereka merasakan kepentingan mereka terganggu.

Umpamanya, apa yang ditimbulkan oleh perwakilan UMNO Selangor dalam perhimpunan Agung yang lalu jelas menunjukkan berlakunya pengutamakan kepentingan diri oleh pihak istana yang selama ini dianggap sebagai pelindung oleh rakyat jelata.

Sekiranya benar seperti yang didakwa oleh perwakilan UMNO Selangor, bahawa peruntukan untuk sekolah agama dan masjid telah digunakan untuk membaiki istana, ini bererti Sultan bukan sahaja telah menyalahgunakan kuasanya tetapi yang lebih buruk ia telah memperkosa hak rakyat dan negara.

Begitu juga pembabitan "Kapitan China" dalam mendapatkan tender-tender yang telah menggunakan kuasa dan pengaruh Sultan, Sebenarnya adalah merupakan penyakit yang akan merosakkan negara dan akibatnya rakyat akan dibebankan dengan hutang yang tinggi.

Ini kerana tender yang diluluskan berdasar kepada sokongan dan pengaruh Sultan, sudah tentu tidak dinilai dari tinggi atau rendahnya harga tender itu. Yang pastinya harga tender sedemikian selalunya tinggi kerana sebahagian dari keuntungan projek itu akan diberikan kepada orang-orang tertentu.

Amalan-amalan sedemikian bukan sahaja berlaku dikalangan Sultan dan kerabatnya tetapi juga berlaku dikalangan orang-orang politik yang memegang tampuk kekuasaan negara.

Apa yang ditimbulkan oleh UMNO Selangor itu, sebenarnya bukan sahaja berlaku dikalangan Sultan tetapi berlaku juga dikalangan Menteri-menteri besar dan pemimpin-pemimpin negara yang lain. Sekiranya Sultan diberi kesempatan dalam perhimpunan Agung UMNO yang lalu untuk mendedahkan tingkah laku Menteri Besar dan ahli-ahli mesyuarat yang lain, rasanya tidak ada perbezaan antara kedua-dua belah pihak ini.

Ini dapat kita buktikan kalau pihak kerajaan sanggup menubuhkan satu Suruhanjaya bebas bagi menyiasat harta para pemimpin negara sebelum dan selepas ianya berkuasa.

Media Islam
13.3,92/2

KENAPA MARUAH RAJA TIDAK DIAMBIL KIRA

OLEH: SUHAIMI SAID

SEJAUH manakah pemimpin-pemimpin politik Melayu sanggup berkonfrantasi dengan Istana kini menjadi persoalan apabila isu kereta mewah jenis Lamborghini Model Diablo kepunyaan Sultan Kelantan didedahkan secara besar-besaran melalui siberan am.

Pendedahan seumpama ini dan pembicaraan terbuka mempersoalkan hak Raja sudah tentu dianggap sebagai suatu "penderhakaan" yang boleh mendatangkan mudharat kepada orang-orang persaoangan yang terlibat dengannya jika perkara sebegini berlaku beberapa tahun yang lalu.

Dato Lee Kim Sai telah kehilangan darjah kebesarannya apabila beliau diandaikan tidak taat setia kepada Sultan Selangor.

Karpah Singh telah dijadikan mangsa politik kerana beliau telah mengemukakan Saman di Mahkamah agar Sultan Selangor menggunakan kuasa yang ada padanya disisi undang-undang di dalam pengampunan kes-kes gantung yang melibatkan dadah.

Pemimpin-pemimpin politik Melayu telah dengan sangat dan beraninya menuduh individu-individu tertentu itu sebagai "derhaka" dan tidak taat setia kepada Raja.



Dato Lee Kim Sai



Karpal Singh

Sedikit sebanaknya individu-individu tertentu itu mere-sakan diri mereka tersisih dari-pada masyarakat Melayu kerana sikap mereka yang kurang sopan terhadap Raja.

Kini keadaan itu sudah berubah. Andaian yang dahulunya diletakkan ke atas bahu Karpal Singh kini dipikul oleh pemimpin-pemimpin Melayu.

Pemimpin-pemimpin Melayu kini mendesak supaya Raja-Raja dikenakan kod etika.

Tindakan Raja-Raja yang dahulunya dijunjung dengan penuh hormat kini diketogerikan sebagai "penyelewengan".

Kesalahan Raja-Raja dan segala perbuatan-perbuatan mereka yang dianggap "tidak kena" dengan undang-undang kini didedahkan secara terbuka untuk diformalkan bahawa Raja-Raja telah melakukan kesilapan dan kesalahan.

Dan jika dihalusi, kesilapan dan kesalahan itu berpunca dari kelemahan pemimpin-pemimpin Melayu yang sentiasa berdampingan dengan Raja.

Maka, apakah betul tindakan yang diambil oleh pemimpin-pemimpin Melayu kini mempersoalkan kelemahan Raja-Raja secara terbuka sehingga kedudukan dan kedaulatan Raja-Raja itu dipersoalkan dengan penuh kebencian oleh sesetengah pihak.

^dakah ini caranya memperbaiki kesalahan?

Dan walaupun dengan cara ini kesalahan Raja-Raja dapat diperbetulkan, apakah lagi akan tinggal kepada apa yang dinamakan "Maruah Raja-Raja".

Masyarakat berbelah bagi dan sesetengahnya akan memandang rendah kepada Raja-Raja Melayu.

Raja berperlembagaan seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan adalah Raja yang patuh kepada undang-undang.



Dato' Sri Dr Mahathir

Ada perkara-perkara yang tidak mereka buat tetapi mereka buat. Ini perlu diperbetulkan.

Tingkah laku ssetengah daripada mereka adalah tidak sesuai dengan kedudukan mereka sebagai Ketua Agama Ugama bagi Negeri masing-masing. Ini juga perlu diperbetulkan.

Tidak ada sesiapa yang menentang pembetulan itu, tetapi rata-rata rakyat Melayu tidak bersetuju dengan cara yang dianjurkan oleh Pemimpin Melayu takut kalau-kalau kini, walaupun UMNO menjadi tunggak Kerajaan, belum lagi dapat dikekalkan di Negara ini. Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan kuasa politik orang-orang Melayu.

Pertelagahan yang tidak menentu yang berlaku di antara tampuk politik dan istana mempercepatkan lagi hilangnya tampuk kuasa politik orang-orang Melayu. Lim Kit Siang atau Karpal Singh tidak ada perkara yang hendak mereka "malu" dengan Dato Sri Dr. Mahathir kerana mereka adalah sama-sama ahli politik dan esok lusa belum diketahui siapa menjadi PM atau sebaliknya.

Tetapi Raja yang diiktiraf kedaulatannya adalah lebih "masin" dari kuasa politik di dalam hal-hal tertentu (terutama hal-hal yang tidak di atasi melalui cara politik).

Tetapi jika Raja-Raja telah dimusnahkan maruah mereka apakah lagi konsep "Raja Berperlembagaan".

Isu kereta Sultan Kelantan tak perlu dihebohkan sedemikian rupa.

Kalau pemimpin-pemimpin Melayu berhajat mendapatkan "Advantage" ke atas Raja-Raja maka difikirkan perlu Kod Etika Raja-Raja, isu kereta Sultan Kelantan yang diperbesarkan itu bolehkan dianggap sebagai "backfire".

Dari segi politiknya orang-orang Melayu Kelantan dan orang-orang Kelantan di luar Kelantan akan merasa marah kepada UMNO, dan bolehkah agaknya UMNO menguasai kembali Kelantan berhadapan dengan kemarahan rakyat Kelantan?

Maruah Raja-Raja perlulah dijaga walaupun usaha memperbaiki kesalahan Raja-Raja sedang dilakukan seperti kata pepatah Melayu "Menarik rambut dalam tepung".



Lim Kit Siang

Media Islam
24.4.92/21

Orang Melayu Rugi
KRISIS UMNO - ISTANA

TIDAK dapat tidak, jika berlaku sebarang krisis di antara UMNO dan istana, semua pihak akan menanggung kerugian.

Krisis UMNO-Istana akan elibatkan kesetiaan orang-orang kampung yang terpaksa membuat pilihan. Rata-rata orang-orang kampung menaruh kesetiaan dan kepercayaan kepada UMNO.

Jika berlaku krisis UMNO-Istana keadaan harmoni di antara kesetiaan dan kepercayaan itu akan terjejas.

Ini tidaklah bererti bahawa sebarang masalah yang berlaku di dalam hubungan di antara UMNO dan Istana dibiarkan begitu sahaja sehingga nanti akan wujud pula isu krisis Perlembagaan yang tenaf sehingga sukar diperbetulkan lagi.

Istana adalah lambang kesetiaan orang-orang Melayu. UMNO sebagai sebuah parati politik yang mempunyai tradisi yang kukuh bagi membela institusi Raja-Raja Melayu jua mendapat sokongan yang besar dari orang-orang Melayu kerana tradisi itu.

Jika tradisi itu pecah, maka tidak dapat dihitungkan sama ada golongan besar orang-orang Melayu akan dapat memberikan kepercayaan kepada UMNO.

Hubungan UMNO-Istana sentiasa berada di dalam keadaan yang baik kecuali hubungan istana dengan beberapa orang pemimpin UMNO yang tertentu.

Hubungan yang pecah di antara Istana dan beberapa orang pemimpin UMNO yang tertentu itu tidak pula disebabkan oleh sikap Raja dan pemimpin-pemimpin tertentu tetapi oleh kerana ada pula segelintir pemimpin-pemimpin UMNO yang lain yang menjadi dalang kerana nafsu besar mereka sendiri.

Datuk Rahim Bakar, bekas Menteri Besar Pahang, telah dikatakan berkrisis dengan Istana semasa beliau menjadi Menteri Besar Pahang. Dari segi perwatakannya, Rahim Bakar terkenal dengan disiplin dan ketegasannya.

Ketegasannya itu adalah kerana sikapsemulajadi yang bertradisi membela rakyat. Kerana ketegasannya itu terdapat pula segelintiran pemimpin-pemimpin UMNO yang bernafsu besar yang berjuang semata-mata untuk kepentingan diri sendiri dan merasakan peluang mereka telah tertutup.

Inilah yang menjadi punca pertelingkahan yang akhirnya Rahim Bakar ditarik ke Pusat walaupun beliau popular di kalangan ahli-ahli UMNO dan rakyat yang mana akhirnya tidak menjawat apa-apa jawatan pentingpun di dalam kerajaan.

Tetapi sebenarnya hubungan secara peribadi di antara Rahim Bakar dengan Istana tidaklah seburuk yang disangkakan kerana kalau tidak takkanlah beliau dianugerahkan darjah kebesaran Negeri yang membawa gelaran Dato'.

Bagaimanapun, isu Rahim Bakar perlu diberi renungan yang wajar oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Adakah Rahim Bakar menderhaka kepada Raja sehingga beliau tidak diberikan tempat yang setimpal oleh pihak-pihak berkenaan?

Apa yang diketahui ialah, Rahim Bakar adalah tokoh yang memperjuangkan konsep Raja Berperlembagaan secara lohor.

Raja di negara ini telah diinstitusikan sebagai Raja Berperlembagaan yang tidak bolh diisukan lagi.

Malangnya, tidak semua pemimpin UMNO yang memahami peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau sengaja tidak mahu faham, maka golongan inilah yang sentiasanya menjadi dalang.

Perlantikan Menteri Besar, Ahli-Ahli Exco, pegawai-pegawai tinggi Kerajaan Negeri (dan kalangan pertukaran mereka) dijadikan isu dan dilibatkan Istana.

Di bawah sistem demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, sudah menjadi konvensyen bahawa kuasa-kuasa tertentu seperti pemilihan Menteri Besar dan ahli-ahli Exco bahkan pemilihan calon-calon di dalam pilihanraya adalah hak mutlak politik.

Tetapi kenapa pula amalan-amalan yang terdahulu kuasa itu seolah-olah telah diperkongsikan kerana nafsu-nafsi sesetengah orang-orang politik. Sesungguhnya kelemahan orang-orang politik itu bukanlah kesalahan istana.

Raja Berperlembagaan bukanlah sekadar ungapan politik, tetapi suatu konsep perlembagaan yang jelas bahawa kuasa Raja dan kuasa rakyat telah ditetapkan.

Ura-ura bahawa perlembagaan akan dipinda bagi memperjelaskan lagi kedudukan ini adalah dialu-alukan agar istana dan politik dapat memahami kuasa masing-masing.

Semua perkara yang melibatkan hubungan yang agak keruh di antara Istana-UMNO ini perlu diingatkan supaya tidak diriu-hibuhkan melalui akhbar-akhbar atau forum-forum yang tidak sesuai untuk mengelakkan salah faham dan salah tanggapan.

Sesungguhnya ada jua golongan yang menunggu-nunggu untuk mengeksploresikan keadaan ini dan krisis terbuka di antara istana dan UMNO tidak menguntungkan mana-mana pihak melainkan pihak-pihak yang ingin mencari kesempatan.

Sesungguhnya hendaklah diingatkan di negara ini bukan UMNO sahaja yang merancang dari segi politik. Juga hubungan yang akrab Istana-UMNO pecah, UMNO tidak semestinya lagi akan menjadi suara dan bicara bagi orang-orang Melayu.

Dan mungkin itu juga kedudukan orang-orang Melayu di Negara ini akan terjejas.

Media Islam
24.4.92/22

Bila parti yang memenangi sebahagian besar kerusi dalam pilihanraya umum, memutuskan untuk mencalonkan seseorang daripada ahlinya sebagai Menteri Besar, Raja pada hemat saya, tidak mempunyai hak budibicara kecuali melantiknya”

Sultan Azlan Shah

Selangor minta pinda Perlembagaan Sekat campur tangan istana

KUALA LUMPUR: Umno Selangor meminta kerajaan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Negeri untuk memberi kuasa mutlak kepada Perdana Menteri melantik Menteri Besar, ahli exco, setiausaha kerajaan negeri dan jawatan penting lain bagi mengelak campur tangan istana.

Wakilnya, Haji Zainal Abidin Haji Sakom, berkata melalui pindaan itu, sultan atau raja tidak mempunyai kuasa membuat pilihan, sebaliknya sekadar dimaklumkan mengenai sesuatu perlantikan.

"Pindaan itu penting kerana selama ini, khususnya di Selangor jawatan Menteri Besar sentiasa berubah mengikut kehendak istana, atas alasan Menteri Besar yang secocok dengan istana saja boleh berkhidmat," katanya ketika membahaskan ucapan dasar presiden di Perhimpunan Agung Umno, di sini semalam.

Menurut Encik Zainal, ketetapan itu diputuskan oleh Badan Perhubungan Umno Selangor, semua ahli Dewan Undangan Negeri, ahli Parlimen dan ahli Dewan Negara daripada Umno di negeri itu, yang mengadakan mesyuarat tergempar malam semalam, berikutan saranan presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung usaha membanteras penyelewengan.

Ketetapan itu kemudian diserahkan kepada Encik Ghafar dengan diiringi tepukan gemuruh semua perwakilan dan ahli Majlis Tertinggi yang turut berdiri ketika Encik Zainal Abidin menyerahkannya kepada Timbalan Presiden Umno itu.

Beliau berkata, dua lagi ketetapan mesyuarat tergempar itu ialah meminta Presiden Umno:

* Menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk menyiasat senarai hartanah yang diberi kepada raja-raja dan kuncu mereka; dan

* Bertindak tegas atau memecat ahli exco dan wakil rakyat yang mengamalkan sikap 'lain di depan lain di belakang'.

Beliau berkata, ada ahli exco dan Adun di Selangor yang menyatakan persetujuan dalam projek atau rancangan dengan pemimpin peringkat negeri, kemudian menghadap Sultan secara diam-diam untuk mempengaruhi istana supaya campur tangan bagi menggagalkannya.

"Kami mengesyorkan mereka dipecat kerana tindakan itu boleh menjejaskan proses pembangunan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan," katanya.

Katanya, ada juga ahli perniagaan Cina memaksa ketua jabatan supaya meluluskan permohonan mereka dengan mendakwa mereka mendapat sokongan istana.

Haji Zainal Abidin menegaskan, Umno Selangor mempunyai bukti perbuatan golongan tertentu, terutama yang dipengaruhi ahli perniagaan Cina, menggunakan istana bagi mendapatkan projek, termasuk:

* Istana, melalui seorang 'Kapitan Cina' dan pemimpin berpangkat Datuk, mempunyai 100 peratus ekuiti tanah seluas 161.84 hektar untuk pembinaan padang golf di Shal Alam;

* Kawasan pertanian seluas 606.9 hektar turut dimiliki kumpulan berkenaan yang mendapat kelulusan melalui pengaruh istana. Tanah itu dikenakan premium nominal di kecualikan daripada caruman Jabatan Pengairan dan Saliran dan tidak memerlukan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA); dan

* Campur tangan Sultan yang mengarahkan supaya kerajaan negeri membatalkan projek pembangunan di Kampung Kemesah berdekatan Zoo Negara berikutan Kapitan Cina yang tidak puas hati mengadu kepada baginda berhubung projek itu.

"Baru-baru ini 'Kapitan Cina' yang tiada kerja menghadap Sultan memohon mengubah suai istana, kononnya Sultan Brunei akan melawat Selangor. Bagaimanapun, kerajaan tidak meluluskan-



HAJI ZAINAL ABIDIN
...jawatan MB sentiasa berubah

nya kerana peruntukan itu disalurkan untuk projek pembangunan lain," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, Kerajaan Selangor pernah memberi peruntukan \$11 juta untuk mengubah suai istana itu tidak lama dulu dengan mengambil peruntukan pembinaan sekolah agama dan masjid.

"Nilai peruntukan itu boleh digunakan untuk membolehkan 6,000 pelajar mendapat pendidikan sempurna," katanya.

Haji Zainal Abidin juga berkata, jawatan Menteri Besar juga sudah 'diniagakan' kerana selepas setipa pilihanraya, ada syarikat yang tidak berdaftar dimiliki 'kapitan-kapitan Cina' menggunakan pengaruh Sultan supaya melantik Menteri Besar yang seecocok dengan mereka.

"Kumpulan ini akan menghadap Sultan dan mempengaruhi baginda memilih calon Menteri Besar yang kelak boleh 'dicucuk hidung' supaya semua permohonan kumpulan itu diluluskan.

"Sebaliknya, apabila Menteri Besar tidak bersetuju atau gagal meluluskan sesuatu projek atau tender, beliau akan diketepikan dan diganti," katanya.

Menurutnya, sejarah membuktikan ramai Menteri Besar menghadapi masalah berikutan campur tangan istana sehingga ketua jabatan dan pegawai kanan kerajaan negeri terpaksa 'berumah' di istana.

10.11.91

4 resolusi mengenai istana

10.11.91


RESOLUSI empat perkara yang dikemukakan oleh UMNO Selangor kepada Perhimpunan Agung UMNO semalam.

* Menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyiasat dan menyenaraikan semua harta, tanah dan projek yang telah diluluskan kepada raja secara langsung atau melalui 'Kapitan Cina'.

* Meminta Presiden UMNO supaya bertindak tegas atau memecat mana-mana ahli Exco atau wakil rakyat yang hipokrit dan bermuka-muka - yang terlibat menghasut raja-raja untuk kepentingan diri sendiri.

* Meminda perlembagaan supaya kuasa mudak melantik Menteri Besar, ahli mesyuarat kerajaan negeri, setiausaha kerajaan, penasihat undang-undang dan pegawai kewangan negeri adalah dalam bidang kuasa pucuk pimpinan parti yang memerintah.

* Supaya Perhimpunan Agung UMNO memberi mandat penuh kepada Dato' Sri Dr. Mahathir dalam menghadapi dan mengatasi isu raja-raja ini secara umumnya sama ada menerusi pindaan perlembagaan dan segala langkah yang perlu.



Ulu Selangor Umno representative Haji Zainal Abidin Sakom hands over the resolution passed by the Selangor Umno Liaison committee to Erick Chafar while Datuk Abdullah Ahmad Badawi (left) and (back row, from left) Datuk Dr Yusof Nor, Tan Sri Khalid Ibrahim, Syed Hamid Albar and Tan Sri Osman Aroff applaud.

MENEGUR RAJA BUKAN BERERTI DERHAKA

Oleh Abdul Rahim Kassim

SEJAK akhir-akhir ini golongan muda UMNO dikatakan terlalu lantang mengkritik golongan Istana dan Raja-Raja yang selama ini begitu dihormati oleh orang-orang Melayu.

Apakah yang mendorong mereka berbuat demikian, adalah merupakan persoalan yang perlu diselesaikan dengan segera; sekiranya kita masih mahu melihat institusi yang ada ini dapat dipertahankan dan terus dihormati oleh masyarakat.

Kelantangan perwakilan UMNO Ulu Selangor, Saudara Zainal Sakom, mendedah dan mengkritik Sultan Selangor dalam Perhimpunan Agung UMNO yang lalu, seharusnya diambil perhatian secara serius, bukan sahaja oleh kalangan pemimpin masyarakat tetapi juga kalangan istana yang lain.

Tindakan Saudara Zainal itu, bukanlah bererti beliau mahu menderhaka kepada Rajanya sendiri tetapi adalah sekadar memberi ingatan supaya perkara seperti itu tidak lagi berulang dan menjadi "penyakit" kepada golongan istana.

Tun Biajid, anak kepada Laksamana Hang Tuah yang terkenal dengan kesetiannya kepada Sultan Melaka, pernah menimang lembingnya dihadapan Sultan Mahmud kerana kébidadaban baginda mengganggu isterinya semasa beliau keluar menjalakan tugas negara.

"Kalau bukan Sultan Melaka yang berdiri dihadapan ku ini, nescaya aku benamkan mata tombak ini kedadanya", kata Tun Biajid apabila beliau bertemu dengan Sultan Mahmud yang baru turun dari rumah selepas berseronok dengan isterinya.

Perbuatan Tun Biajid menimang lembing dihadapan baginda Sultan itu, bukanlah bererti beliau tidak menghormati Sultan Melaka atau mahu menderhaka kepadanya. Tetapi sebagai manusia, beliau harus menyatakan sesuatu kerana perbuatan Sultan itu sudah keterlaluan dari adat yang sepatutnya.

Begitu juga dengan tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim menegur Sultan Kelantan kerana melarikan kereta yang diimportnya sendiri dari kawalan kastam, bukanlah satu perbuatan yang ingin menderhaka. Tetapi adalah sekadar mengingatkan baginda bahawa manusia ini harus mempunyai peraturan dan undang-undang yang mesti dipatuhi.

Soalnya sekarang kenapakah golongan muda ini sahaja yang berani menegur tingkah laku Raja-Raja.

Laksamana Hang Tuah seorang yang terkenal gagah dan tidak ada tandingnya dizaman itu tetapi sentiasa akur dengan perintah raja hatta dihukum bunuh sekalipun beliau tidak menunjukkan tanda-tanda derhaka.

Tetapi anaknya Tun Biajid, berani mengacukan lembing ke dada Sultan hanya kerana Sultan mengganggu isterinya sedangkan ayahnya melepaskan kekasihnya Tun Teja hanya kerana mahu menunjukkan kesetiiaannya kepada Raja.

Begitulah cepatnya berlaku perubahan pemikiran. Antara dua generasi iaitu anak dan bapa telah terdapat jurang yang sangat berbeda. Sibapa memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi; walaupun terancam nyawanya. Tetapi sianak telah berani mengancam Raja kerana merasakan ia berada dipihak yang benar.

Sekarang inipun kita lihat golongan mudalah yang lebih lantang dan berani menegur raja-raja, sedangkan golongan tua lebih banyak mengambil sikap berdiam diri.

Keadaan ini seharusnya diambil perhatian secara serius oleh golongan istana sekiranya mereka mahu mengekalkan institusi yang ada ini terus dihormati oleh masyarakat dan generasi muda akan datang.

Tindakan-tindakan seperti ini bukanlah bermakna golongan muda telah meninggalkan adat dan kesopanan orang-orang Melayu. Tetapi adalah disebabkan berlakunya perubahan aliran

pemikiran dan perubahan ini akan terus berlaku dari masa ke semasa.

Sultan Azlan Shah, semasa baginda masih menjadi Ketua Hakim Negara telah menyatakan dan perkara ini juga diulang oleh perwakilan UMNO semasa menyembahkan kod etika kepada Raja-Raja.

Oleh itu kalangan istana tidak harus melihat perkara sebagai perkara remeh. Agar apa terdapat sekarang ini tidak terancam oleh perubahan pemikiran yang berlaku. Dengan lain perkataan pihak istana harus menyedari kehendak-kehendak dan tuntutan semasa.

Dunia semakin berubah dan tahap pemikiran masyarakat juga turut meningkat. Dalam usaha mereka mengejar kemajuan teknologi yang canggih, logika dan keuntungan adalah perkiraan utama mereka. Sekiranya terdapat halangan-halangan dalam usaha mereka mengejar cita-cita itu, kita khuatir mereka akan mengepikan unsur-unsur adat dan susila sekarang ini.

Oleh itu kalangan ahli-ahli politik, janganlah menjadikan masalah teguran kepada Raja-Raja ini sebagai bahan untuk meraih sokongan pengundi semata-mata. Tetapi haruslah difikirkan secara dewasa demi kebaikan bersama.

Sekiranya sesuatu perkara yang jelas kesalahannya, maka janganlah kita cuba menjadi jaguh untuk mempertahankannya hanya semata-mata untuk mendapatkan sokongan pengundi sahaja. Ditakuti nanti kesalahan yang benar-benar salah itu akan dianggap betul dan menjadi "penyakit" turun temurun.

Berpolitiklah secara jujur atas dasar kebenaran demi kebaikan manusia seluruhnya. Menjunjung Raja tanpa mahu membetulkannya, bererti kita tidak mahu melihat institusi itu dapat dipertahankan. Ini kerana manusia tidak tahu ia bersalah kalau tidak diberi tahu kesalahannya.

Dikalangan Raja-Raja pula janganlah menganggap teguran itu sebagai tindakan menderhaka. Adalah menjadi tanggungjawab sesama manusia ingat mengingati antara satu sama lain.

(Media Islam, 22.5.92/3)

"Jika kehendak rakyat jelata itu dimakbulkan Allah, maka berpindahlah takhta dari istana ke muzium seni dan budaya."

Sultan Azlan Shah

16-2-92



"Penganugerahan bintang kebesaran adalah hak beta" — Sultan Selangor dalam sidang akhbar semalam

Hak rakyat tentukan corak

UCAPAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MERASMIKAN DEWAN ORANG RAMAI KAMPUNG POK, TANJUNG KUPANG, JOHOR, SEMALAM 129/8/87

HARI ini apa yang kita lihat ialah satu proses demokrasi. Apabila negara mencapai kemerdekaan, kita memilih sistem demokrasi sebagai satu cara pemerintahan yang boleh memberi faedah kepada kebanyakan orang.

Di zaman British dahulu, tidak ada demokrasi. Ia cuma mempunyai autokrasi atau birokrasi dan pemimpin-pemimpin kerajaan ketika itu tidak perlu mengetahui rintihan dan penderitaan rakyat. Mereka menjalankan tugas mereka di pejabat-pejabat tanpa mengambil kira apa yang disunguti oleh rakyat.

Tetapi bila kita pilih sistem demokrasi ini maka kita secara langsung memberi suara kepada rakyat supaya rakyat dapat menentukan pembangunan dan kebahagiaan diri mereka.

Jelaslah sistem demokrasi adalah sistem amat adil kerana ia memberi penghargaan kepada bilangan yang besar iaitu suara ramai menentukan bentuk kerajaan dan menentukan bagaimana kerajaan mentadbir negara, membelanjakan wang dan menentukan dasar-dasar.

Kelebihan suara

Kalau kita lihat kembali pilihanraya umum 1986, slogan yang digunakan oleh parti lawan ialah menidakkan kelebihan dua pertiga Barisan Nasional (BN). Mereka tidak mahu melihat BN mendapat sokongan daripada orang ramai.

Mereka ingin mengurangkan sokongan orang ramai kepada BN kerana mereka berharap jika orang ramai tidak memberi sokongan dua pertiga kepada BN maka BN akan menjadi kaku dan tidak dapat mentadbir dengan sempurna, kerana kita akan selalu diancam oleh parti-parti lawan dan pihak-pihak lain.

Usaha mereka menghalang kelebihan suara dua pertiga BN gagal. BN menang dengan cemerlang dengan bilangan wakil rakyat yang lebih tinggi daripada dua pertiga, yang membolehkan kita mendirikan kerajaan yang mempunyai kuasa secukupnya.

Tetapi ada pihak yang tidak senang dengan kekuatan kerajaan dan tidak puas hati dengan keputusan rakyat. Mereka tidak senang melihat rakyat memberi sokongan yang begitu baik kepada kerajaan.

Sebab itulah mereka menggunakan perlembagaan sebagai kempen dan sekarang mereka membuat cadangan supaya ditukar perlembagaan, kononnya kerana sudah 30 tahun kita mengamalkan perlembagaan ini maka masa sudah tiba untuk dikaji semula.

Sebenarnya, negara-negara lain tidak mengubah perlembagaan sehingga beratus-ratus tahun. Tetapi sekarang ada cadangan supaya Perlembagaan Malaysia dikaji dan dipinda kerana dikatakan sudah usang.

Saya khuatir mereka menganggap Perlembagaan Malaysia usang dan tidak bersesuaian dengan keadaan kini semata-mata kerana mereka sedar perlembagaan memberi penghargaan kepada suara ramai.

Mereka ini hanyalah golongan yang kecil sahaja, cuma dua tiga ratus orang sahaja dan mereka amat iri hati melihat Kerajaan BN memerintah dengan sokongan orang ramai. Sebab itu mereka ingin menentukan supaya suara golongan yang kecil ini diutamakan dan suara rakyat dibelakangkan.

Dari itu, mereka mencadangkan supaya dikaji dan dipinda Perlembagaan Malaysia, kononnya perlembagaan ini tidak se-cocok dengan keadaan zaman. Mereka mencadangkan supaya ditubuh sebuah suruhanjaya, tetapi mereka tidak sebut siapa yang akan menganggotainya. Tetapi sudah tentu mereka berharap suruhanjaya itu akan dianggotai oleh orang yang mempunyai pandangan yang sama dengan mereka.

Konsep keadilan

Mungkin hakim-hakim besar dari negara-negara asing seperti yang menganggotai Suruhanjaya Reed (Reed Commission) dahulu. Suruhanjaya Reed dianggotai oleh hakim-hakim besar daripada Pakistan, India, New Zealand, Australia dan sebagainya.

Kononnya orang ini amat bijak sekali dan boleh membentuk perlembagaan yang sesuai dengan negara kita. Sebenarnya orang itu tidak tahu sama sekali mengenai negara kita, masalah yang kita hadapi, kedudukan pelbagai kaum dan agama yang kita anuti.

Mereka tidak tahu dan mereka mungkin terdorong dengan anggapan dan keadaan di negara mereka sendiri. Sebab itu mereka sebagai hakim akan membuat cadangan-cadangan yang semuanya berasaskan kepada konsep keadilan mereka. Tetapi keadilan kepada satu-satu pihak mungkin menjadi ketidakadilan kepada pihak lain.

Mereka membangkitkan soal perlembagaan kerana mereka iri hati dengan kelebihan suara dua pertiga kerajaan. Saya khuatir kalau perlembagaan dipinda mengikut sesuka hati orang tertentu di negara kita, huru-hara akan berlaku.

Mereka yang membuat cadangan ini sudah tentu berpendapat bahawa pindaan itu akan dibuat mengikut kehendak mereka. Golongan kecil ini pula kebanyakannya mereka yang mempunyai latihan atau pengetahuan undang-undang. Tetapi sudah tentu bukan mereka sahaja yang berhak, pihak lain juga berhak sama. Tentu ada cadangan-cadangan lain supaya pindaan-pindaan lain dibuat.

Corak pemerintahan

Umpamanya Pas mungkin akan berkata tidak patut diadakan sebarang perlembagaan dan kita bergantung kepada al-Quran sahaja sebagai pedoman dan ada yang mungkin berkata bahawa kita mesti kenakan hukum syarak kepada kaum-kaum lain juga. Dan mungkin ada juga yang berpendapat pembahagian kerusi tidak adil kerana kononnya mengutamakan kawasan luar bandar. Macam-macam pendapat akan disuarakan. Siapa akan menangkis

pendapat itu dan siapa pula yang akan memilih apa yang patut di masuk atau di dikeluarkan?

Dalam suasana pihak-pihak tertentu mendesak perlembagaan dipinda mengikut kehendak masing-masing, asti akan wujud ketegangan dalam sebuah negara berbilang kaum. Tiada siapa yang akan dapat faedah daripada usaha meminda perlembagaan atau mengkajinya semula. Saya akui bahawa perlembagaan kita tidaklah bebas daripada kecacatan. Ia memang mempunyai kelemahan.

Kita boleh menarik perhatian kepada kenyataan Tun Mohammed Suffian yang menterjemahkan perlembagaan kita. Dia berkata bahawa kerajaan kita mengandungi tiga cawangan iaitu cawangan legislatif yang membuat undang-undang, cawangan eksekutif yang menjalankan dasar dan cawangan kehakiman yang menentukan sesuatu dan membuat tafsiran.

Kononnya antara tiga cawangan ini, berjalan proses 'check and balance' (pengawasan dan pengimbangan) iaitu jika mana-mana satu pihak mirip melakukan kesalahan, pihak yang dua lagi boleh menegur. Ini baru dikatakan ada 'check and balance' dalam negara ini. Tetapi kalau dalam keadaan yang kita lihat, dua sahaja daripada tiga ini yang boleh kita tegur manakala yang satu lagi kita tidak boleh tegur sama sekali, maka saya fikir 'check and balance' ini tidak berlaku.

Ini pendapat mengatakan salah satu daripada pihak ini terkecuali daripada sebarang teguran, bahkan gaji mereka pun tidak boleh dibincang oleh Kabinet atau Parlimen. Kalau ini tidak boleh ditegur maka di mana letaknya 'check and balance' tadi.

Disebabkan perkara seperti ini, kita mungkin perlu melihat sama ada perlembagaan kita ini betul-betul perlembagaan yang mempunyai 'check and balance'. Kalau ada, semua pihak mesti boleh kita kawal dan boleh kita imbangi. Kalau dua cawangan boleh kita tawan dan imbangi, tetapi satu lagi tidak boleh, maka tidaklah ada perseimbangan kuasa di negara kita.

Perkara yang semacam ini perlu kajian mendalam kerana kalau kita biarkan kepada tidak simbbangan berterusan, mungkin ada yang berasa mereka terkecuali daripada sebarang teguran dan

boleh berbuat sesuka hati. Tetapi kita tidaklah berhajat untuk membuat kajian seperti ini kerana jika dibuka peluang kepada semua pihak membuat kajian, maka kita juga harus membuat kajian. Suara kita adalah suara rakyat, rakyat harus menentukan corak pemerintahan negara ini.

Saya khuatir terhadap usaha-usaha menidak dan membelakangkan suara rakyat supaya semua dalam golongan 'elite' akan berkuasa mempengaruhi kerajaan. Kerana kerajaan didokong oleh majoriti, kita dapat lihat bagaimana kerajaan memberi keutamaan kepada kawasan luar bandar. Dua pertiga daripada perbelanjaan adalah untuk pembangunan luar bandar. Ini adalah kerana kita sedar di zaman British dahulu orang yang tinggal di desa tidak mendapat layanan sama sekali.

Oleh itu, kita lebihkan bantuan kepada kampung-kampung supaya penduduknya dapat meningkat dan menseimbangkan taraf hidup mereka dengan penduduk bandar. Perkara ini penting kalau kita mahu melihat negara ini aman. Kalau pembangunan tidak seimbang antara kampung dan bandar, antara satu kaum dan satu kaum lain, antara pengikut satu agama dan agama lain, maka huru-hara akan wujud. Ini lebih mudah berlaku jika kerajaan dipimpin oleh pihak yang tidak dipilih oleh rakyat. Kalau pemimpin dipilih oleh sebuah suruhanjaya dan kekal dalam jawatan sehingga pencen, maka mereka tidak perlu lagi mengambil kira pandangan rakyat.

Tetapi dalam sistem yang kita pilih ini, setiap lima tahun kita adakan pilihanraya umum untuk memberi peluang kepada rakyat menentukan siapa yang patut menjadi wakil mereka memerintah neger.

Ini menentukan orang yang dipilih itu akan menjalankan tanggungjawabnya dan menunaikan janji-janjinya kepada rakyat. Pemerintah tidak dipilih oleh rakyat mungkin mengubal undang-undang tanpa mengambil kira pendapat umum dan tidak melayan tuntutan rakyat.

Sebagai rakyat Malaysia kita harus mempertahankan kedaulatan suara ramai. Ini adalah penting kerana usaha menghapuskan hak suara ramai sudah pun berjalan. Pihak-pihak yang

menjalankan usaha itu mendapat banyak sokongan dan menggunakan taktik yang begitu munasabah dan begitu baik. Kita harus berhati-hati dan tidak terbawa-bawa dengan dakwaan dengan meminda perlembagaan semua masalah dapat diselesaikan.

Sebenarnya, kalau kita meminda perlembagaan, kita akan hadapi banyak masalah kerana tuntutan akan datang bertalu-talu daripada semua pihak, kaum, badan politik, badan sosial dan badan-badan berminat dengan politik. Orang yang cuba menggubal semula perlembagaan tidak mungkin dapat memuaskan semua pihak.

Dalam keadaan ini, sudah tentu ada ketegangan antara puak tertentu dan ini akan mencetuskan huru-hara. Sebagai anggota parti politik, sebagai anggota BN, tugas kita hari ini ialah mendaulatkan sistem kuasa ramai. Kita mesti pertahankan sistem itu. Kita tidak membenarkan sesiapa cuba meminda atau menggubal semula perlembagaan yang ada sekarang yang tujuannya sudah tentu adalah untuk membelakangkan suara ramai.

Pemimpin-pemimpin parti perlu diberi tahniah kerana kerelaan mengalah demi untuk mengelakkan dan menyelesaikan krisis Perlembagaan yang besar dengan Raja-Raja. Raja-Raja juga sepatutnya membalasnya.

Sultan Azlan Shah

KENAPA PARLIMEN MELULUSKAN PINDAAN PERLEMBAGAAN

Oleh: Ghafar Baba
(AHLI PARLIMEN JASIN
DAN NAIB PRESIDEN UMNO MALAYSIA)

Utusan Malaysia
10.12.83/5

SEBAGAI seorang ahli Dewan Rakyat saya merasai wajib memberikan penjelasan mengapa Dewan Rakyat meluluskan Pindaan Perlembagaan 1983 untuk pengetahuan Umum.

Tiap-tiap negeri dalam dunia ini ada mempunyai perlembagaannya. Perlembagaan yang sesuai dengan keadaan masyarakat negeri itu sendiri.

Perlembagaan yang tidak boleh dipinda adalah sebuah perlembagaan yang ganjil, beku dan tidak memberi faedah

Adalah jelas sekali bahawa perlembagaan kita yang asal berkehendakkan pindaan untuk disesuaikan dengan percubaan masa. Dengan demikian Parlimen diberi kuasa untuk memindahkannya.

Walaupun sesebuah negara itu mahukan perlembagaannya kukuh dan berkekal tetapi walau bagaimanapun ianya terpaksa dipindah juga dari semasa kesemasa. Perlembagaan dipinda kerana negara ingin membangun dan bertambah maju.

Sesuai perlembagaan biasanya tidaklah dibuat semata-mata untuk disesuaikan dengan keadaan pada waktu ianya dibuat sahaja tetapi ianya digubal sedemikian rupa untuk faedah masa hadapan. Perlembagaan yang tidak boleh dipinda adalah sebuah perlembagaan yang ganjil, beku dan tidak memberi faedah. Perlembagaan adalah satu dokumen yang hidup.

Perlembagaan Malaysia boleh dipinda dengan 4 cara:

- a) Sebahagian daripada constitution boleh dipinda dengan simple majority oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara seperti meluluskan undang-undang biasa;
- b) Meminda Clause (5) Article 159 berkehendakkan majoriti 2/3 di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan kelulusan daripada Majlis Raja-Raja;
- c) Meminda Clause (2) Article 161(E) bagi kepentingan dua negeri, Sabah dan Sarawak berkehendakkan majoriti 2/3 di Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta persetujuan Yang Dipertua Negeri yang berkenaan;
- d) Meminda Clause (3) Article 159 berkehendakkan majoriti 2/3 di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Dalam bulan Julai 1983, Dewan Rakyat dengan persetujuan lebih daripada 2/3 jumlah ahli-ahlinya telah meminda perlembagaan. Di antara beberapa pindaan yang diluluskan, Article 66 dan 150 telah menjadi perbincangan hangat bukan sahaja di dalam Parlimen tetapi juga di kalangan orang ramai.

Article 150 ialah mengenai pengisytiharan darurat. Mengikut perlembagaan Yang di Pertuan Agong boleh mengisytiharkan darurat tetapi tindakannya itu dibuat hendaklah atas nasihat Perdana Menteri mengikut Article 40.

Baru

Article 40 berbunyi:

"In the exercise of his functions under this Constitution or federal law the Yang di Pertuan Agong shall act in accordance with the advice of the Cabinet or of a Minister acting under the general authority of the Cabinet, except as otherwise provided by this Constitution; but shall be entitled, at his request, to any information concerning the government of the Federation which is available to the Cabinet."

Article tersebut dipinda oleh Parlimen dengan satu bentuk baru yang berbunyi:

"Jika Perdana Menteri berpuas hati bahawa ada hal-hal keadaan tertentu yang menyebabkan perlu baginya mengambil tindakan segera maka dia hendaklah menasihatkan Yang di Pertuan Agong mengisytiharkan apa-apa ordinan sebagaimana Perdana Menteri berpendapat adalah perlu dan Yang di Pertuan Agong hendaklah kemudiannya mengisytiharkan ordinan-ordinan itu dengan sewajarnya."

Pindaan baru ini tidak sedikitpun mengubah kuasa asal kerana tindakan Yang di Pertuan Agong mengisytiharkan darurat hendaklah atas nasihat Perdana Menteri seperti yang ada dalam perlembagaan sekarang adalah mempunyai kuatkuasa yang sama

dengan pindaan yang dicadangkan oleh Dewan Rakyat.

Tujuan dibuat pindaan ini semata-mata untuk menjelaskan lagi kuat kuasa Perdana Menteri sebelum Yang di Pertuan Agong mengisytiharkan darurat dengan mencantumkan kuasa-kuasa dalam Article 150 dengan kuasa-kuasa dalam Article 40 diletakkan di bawah satu Article sehaja tidak perlu yang ada sekarang di mana ianya bercerai di bawah dua article. Dengan demikian kekuasaan yang di Pertuan Agong dan Perdana Menteri dalam soal mengisytiharkan darurat menjadi bertambah jelas.

Mungkin ada orang berpendapat pindaan ini kononnya Perdana Menteri mengambilalih kuasa yang di Pertuan Agong. Silap faham itu akan hilang apabila kita lihat Article 40 yang menyatakan segala tindakan yang dibuat oleh Yang di Pertuan Agong hendaklah atas Perdana Menteri.

Beberapa kes yang dibawa ke mahkamah membuktikan bahawa tindakan-tindakan Yang di Pertuan Agong adalah dengan nasihat Perdana Menteri. Misalnya dalam perbicaraan Teh Cheng Poh jemaah hakim Privy Council di antara lain-lain menyatakan:

"Yang di Pertuan Agong function are those of a constitutional monarch and except on certain matters that do not concern the instant appeal, he does not exercise any of his functions under the Constitution on his own initiative but his required by Article 40(1) to act in accordance with the advice of the Cabinet."

Article 66 iaitu satu lagi article yang menjadi kontroversi sekarang ini ialah mengenai tanggungjawab Yang di Pertuan Agong bagi memperkenankan rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk menjadi undang-undang.

Tempoh

Perlembagaan yang ada sekarang menyebutkan: "66(4) The Yang di Pertuan Agong shall signify his assent to Bill by

Perlembagaan yang tidak boleh dipinda adalah sebuah perlembagaan yang ganjil, beku dan tidak memberi faedah.

Ghafar Baba

causing the Public Seal to be affixed thereto, and after assenting to a Bill he shall cause it to be published as a law."

"66(5) a Bill shall become law on being assented to by Yang diPertuan Agong..." Atau dalam Bahasa Melayunya: "Sesuatu rang undang-undang akan menjadi undang-undang apabila diperkenankan oleh Yang di Pertuan Agong..." Article tersebut telah dipinda oleh Parlimen sebagai berikut:

"66(5) sesuatu rang undang-undang hendaklah menjadi undang-undang apabila ia diperkenankan oleh Yang diPertuan Agong jika kerana apa-apa jua sebab rang undang-undang itu tidak diperkenankan oleh baginda dalam tempoh lima belas hari selepas rang undang-undang iaitu dipersembahkan Kebawah Duli Yang di Pertuan Agong, maka baginda hendaklah disifatkan telah memperkenankan rang undang-undang itu dan rang undang-undang tersebut hendaklah dengan demikian itu menjadi undang-undang."

Perlembagaan asal tidak menentukan had tempoh (time limit) bagi mendapatkan persetujuan Yang di Pertuan Agong.

Tujuan pertama dibuat pindaan ini ialah untuk membolehkan kerajaan melaksanakan segala keputusan yang dibuat oleh Parlimen dengan seberapa segera bagi pembangunan negara.

Tujuan kedua ialah untuk mengelakkan daripada berlaku krisis pada masa akan datang kiranya berlaku ada Yang di Pertuan Agong yang tidak mahu memperkenankan keputusan Parlimen.

Pada masa yang telah lalu tidak ada kejadian di mana rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen telah tidak diperkenankan oleh Yang di Pertuan Agong. Kemungkinan berlaku di mana Yang di Pertuan Agong tidak meluluskan keputusan Dewan Rakyat pada masa akan datang adalah satu perkara yang tidak dapat diramalkan dan oleh itu memang ada eloknya perlembagaan dipinda sebagai satu persediaan.

Ada pendapat yang mengatakan jika sekiranya berbangkit masalah di mana Yang di Pertuan Agong enggan memperkenankan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat

maka jalan keluar untuk menyelesaikannya ialah dengan menurunkan Yang di Pertuan Agong daripada takhta kerajaan oleh Majlis Raja-Raja.

Langkah ini jika diambil tentulah akan mencacatkan martabat dan kemuliaan Yang di Pertuan Agong sebagai satu jawatan yang paling tinggi sekali dalam negara ini. Maka dengan sebab itulah Article 66(5) perlembagaan dipinda supaya rang undang-undang boleh menjadi undang-undang dengan sendirinya jika Yang di Pertuan Agong enggan memperkenankannya dalam satu tempoh yang ditentukan sebagai satu jalan keluar yang lebih praktikal.

Mengikut Perlembagaan Dewan Rakyat tidak berkuasa penuh kerana ada perkara-perkara dalam perlembagaan yang tidak boleh dipinda oleh kedua-dua Dewan tanpa kebenaran daripada Majlis Raja-Raja seperti Article 159(5).

Diantara perkara-perkara yang tersebut dalam Article 159(5) itu ialah jaminan tentang kedudukan, kemuliaan, keistimewaan dan penghormatan raja-raja (Article 38-4) dan juga mengenai kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi (Article 152) dan hak istimewa bangsa Melayu (Article 153) yang akan berkekalan selama-lamanya dalam perlembagaan yang tidak boleh disentuh melainkan dengan kehendak Majlis Raja-Raja.

Article 66(5) ini menimbulkan pertikaian disebabkan ada dua tafsiran yang berlainan. Dewan Rakyat mentafsirkan Article 66 tidak termasuk di bawah takrif hak raja-raja, Article 159(5) maka dengan sebab itu article itu boleh dipinda dengan tidak payah mendapat persetujuan daripada Majlis Raja-Raja.

Persetujuan Yang di Pertuan Agong memperkenalkan rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat merupakan satu kewajipan (duty) dan mandatory dan bukannya merupakan satu kemuliaan (dignity) seperti yang terkandung dalam Article 38-4 atau 159(5).

Sistem

Ada pula berpendapat yang menyatakan jika Article 66(5)

itu dipinda maka ia akan membuka jalan untuk menukar sistem beraja kepada sebuah negara republik. Anggapan ini tidak berasaskan sama sekali kerana Parlimen-Parlimen tidak boleh membuat undang-undang yang boleh menyentuh kedudukan raja-raja apalagi untuk menghapuskan sistem beraja.

Segala keputusan parlimen yang menyentuh kedudukan raja-raja seperti yang terkandung dalam Article 159(5) tidak sah melainkan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.

Ini bermakna kedudukan raja-raja sebagai Raja Berpelembagaan adalah terjamin dan berkekalan selama-lamanya. Dan UMNO sendiri pun mencatatkan dalam perlembagaannya Article 3(2) berikrar mempertahankan pemerintahan Raja Berpelembagaan di Malaysia.

Undang-undang "Seditious Act" yang diluluskan oleh Parlimen dalam tahun 1972 untuk melindungi kedaulatan raja-raja adalah satu lagi bukti menunjukkan bagaimana UMNO melindungi mempertahankan dan memuliakan raja-raja sepanjang masa.

Malaysia sebuah negara demokrasi, mengakui wujudnya kedaulatan rakyat disamping mempunyai Raja Berpelembagaan yang juga berdaulat.

Dalam Article 66 perkataan HENDAKLAH (SHALL) membawa erti Yang di Pertuan Agong mestilah atau wajib memperkenankan keputusan yang dibuat oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Tidak ada pilihan untuk menolak.

Jika Yang di Pertuan Agong boleh menolak keputusan Dewan Rakyat kecuali jika menyentuh Article 159(5) maka tererti Dewan Rakyat tidak ada mempunyai kuasa dan demokrasi di Malaysia tidak ada makna langsung. Dan dengan demikian tidaklah ada kedaulatan rakyat di Malaysia.

Oleh yang demikian, pindaan Article 66 yang menentukan tempoh yang dikehendaki bagi Yang di Pertuan Agong memperkenankan keputusan kedua-dua Dewan tidak sekali-kali menyentuh kewibawaan raja kerana persetujuan yang dikehendaki daripada Yang di Pertuan Agong itu hanya merupakan satu tradisi (formality) sahaja dan boleh dipindah.

(Utusan Malaysia, 10.12.83/5)

Orang yang bertanggungjawab kepada Allah di Yaumul Mahsyar nanti ialah alim ulama yang tugasnya memberi nasihat kepada takhta dan istana tetapi gagal menjalankan tugasnya dan gagal melaksanakan tanggungjawabnya, semata-mata kerana gaji dan kedudukan”

Sultan Azlan Shah

Pertelingkahan dengan istana mainan parti pembangkang

Oleh Manja Ismail

POLITIK Kelantan masih dipengaruhi oleh pihak istana? Persoalan ini tidak dapat dielakkan dalam sebarang perbincangan mengenai politik Kelantan, sama ada oleh orang luar atau rakyat negeri Cik Siti Wan Kembang itu sendiri, sekurang-kurangnya demikian tanggapan umum sejak isu itu timbul dua tahun lalu.

Walaupun beberapa perkembangan positif berlaku sejak apa yang dikatakan perselisihan di antara kerajaan negeri dan istana Kelantan pada Mac 1988, sebahagian besar rakyat Kelantan masih disogok oleh parti pembangkang kononnya hubungan yang renggang itu turut membabitkan Kerajaan Pusat.

Isu hubungan yang secara khusus mengaitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan istana Kelantan, dijadikan modal penting oleh parti pembangkang di negeri itu, terutama Semangat 46, dalam usaha mereka mengejar impian untuk memerintah Kelantan selepas pilihanraya umum akan datang.

Justeru itu, setiap kali pemimpin Pusat mengadap Sultan Kelantan dalam rangka lawatan biasa mereka ke negeri berkenaan sejak isu berkenaan ditimbulkan, pembangkang lebih cenderung membuat tafsiran kononnya kunjungan itu membuktikan dakwaan mereka.

Tidak adanya kenyataan rasmi sama ada dari Kerajaan Pusat atau istana sendiri menguatkan lagi kepercayaan sebilangan



Datuk seri Dr. Mahathir Mohamad

rakyat kononnya wujud masalah antara kedua-dua pihak. Ini ditambah lagi dengan tindak-tanduk pembangkang yang kerana ketiadaan isu lain, menjadikan soal itu sebagai senjata utama mereka mengabui rakyat Kelantan.

Bagaimanapun kenyataan Perdana Menteri di akhir lawatan seharganya ke Kelantan Khamis lalu memecahkan persoalan yang menjadi tanda tanya kepada sebahagian

besar rakyat, khususnya penduduk Kelantan sendiri.

Dalam sidang akhbar, Datuk Seri Dr Mahathir bukan saja menjelaskan kedudukan sebenar hubungannya dengan istana Kelantan, sekurang-kurangnya di pihak Kerajaan Pusat, malah mendedahkan siapakah sebenarnya yang menjadi dalang menimbulkan kekeliruan itu.

Secara spontan, tetapi dalam keadaan tenang dan riang, Perdana Menteri menegaskan bahawa Kerajaan Pusat terutama beliau sendiri tidak mempunyai sebarang masalah dengan istana Kelantan apabila ditanya sama ada isu yang digunakan secara meluas di negeri itu sekarang boleh mempengaruhi prestasi Barisan Nasional dalam pilihanraya umum nanti.

"Saya tidak nampak apa-apa pengaruh dari istana. Yang saya nampak ialah satu orang saja yang pandai memperalatkan semua pihak untuk kepentingan dirinya," kata Perdana Menteri.

Tanpa menyebut siapakah 'orang' berkenaan, semua orang mengetahui bahawa yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri itu

ialah Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah. Hubungan rapat Tengku Razaleigh dengan istana Kelantan memang diketahuinya umum.

Malah, perselisihan di antara Menteri Besar dan istana pada 30 Mac tahun lalu apabila Tan Sri Haji Mohamad Yaakob tidak diberi peluang berucap dan menjunjung duli bagi pihak kerajaan negeri dan rakyat di istiadat pengumiaan kebesaran negeri sempena Hari Keputeraan Sultan Kelantan ke-28, dikatakan turut didalangi oleh Tengku Razaleigh.

Begitu juga dengan isu pertukaran 20 Pegawai Tadbir Negeri (PTN) menyebabkan krisis di antara kerajaan negeri dan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN) pada 4 Disember 1988. Ia berlaku apabila Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri mengeluarkan perintah pertukaran 20 PTN sewaktu Menteri Besar tidak ada di Kelantan.

Walaupun isu ini berakhir apabila kedua-dua pihak bersetuju membuat rombakan 28 pegawai termasuk mereka yang terbabit dalam pertukaran 20 PTN berkenaan, soal hubungan di antara kerajaan Pusat dan Istana Kelantan bukan semakin reda, tetapi menjadi agenda utama perbualan politik, terutama di kedai-kedai kopi di Kelantan.

Schubungan itu, penjelasan dan pendedahan Perdana Menteri mengenai isu berkenaan sudah pasti memaksa pembangkang di Kelantan mencari isu baru untuk mencari pengaruh, manakala pemimpin mereka terpaksa menggunakan 'sudut lain' jika mahu terus menggunakan isu yang dianggap lapuk itu.

Menurut Perdana Menteri, hanya seorang saja yang menimbulkan masalah kepada Kerajaan Pusat di Kelantan dengan menghasut rakyat termasuk menghalang pegawai-pegawai kerajaan daripada menghadiri majlis yang dihadiri oleh beliau di negeri itu.

"Beliau paksa orang itu, orang ini sehingga kadang-kadang saya datang ke sini pun tidak ada sambutan dari pegawai kerana dihalang. Tetapi halangan itu bukan oleh golongan istana, sebaliknya oleh orang ini.

"Itu belum lagi beliau mengetahui kerajaan. Schubungan



Tan Sri Haji Mohamad Yaakob

itu, kita pergi kepada puncanya. Bagi saya selain orang ini, tidak ada masalah. Hanya orang ini yang menghasut tetapi rakyat sedar semua ini," katanya.

Sebenarnya salah faham kecil di antara kerajaan Pusat dan istana Kelantan, jika benar wujud sekalipun, bolehlah dianggap sudah selesai sejak setahun lalu apabila Datuk Seri Dr Mahathir menghadap sultan Kelantan di

Istana Mahkota Kubang Kerian selama kira-kira sejam pada 15 Jun 1989. Walaupun tidak ada kenyataan rasmi dari pihak istana berhubung pertemuan itu, rakyat percaya ia amat positif bagi negeri Kelantan.

Selesainya masalah yang dianggap carik-carik bulu ayam ini boleh dilihat melalui lawatan-lawatan pemimpin Pusat sama ada oleh Perdana Menteri, Timbalannya, Encik Ghafar Baba dan pemimpin-pemimpin lain ke Kelantan selepas itu. Dalam kebanyakan lawatan berkenaan, pemimpin terbabit memperuntukkan masa untuk menghadap Sultan.

Malah dalam kunjungan Datuk Seri Dr Mahathir dan Encik Ghafar ke Kelantan minggu lalu, dua pemimpin tertinggi negara itu walaupun menghadapi aturcara yang sibuk sempat meluangkan masa untuk melawat bonda Sultan Kelantan, Raja Perempuan Zainab II yang sedang gering dan dirawat di Hospital Universiti Sains, Kubang Kerian.

Kalau perkembangan positif sejak setahun lalu itu tidak

dianggap sebagai hubungan yang mesra di antara kerajaan Pusat dan istana Kelantan oleh pembangkang, apakah sebenarnya yang mereka mahu? Apakah pembangkang mahu golongan istana berpeluk dengan pemimpin politik sebagai tanda kemesraan, barulah mereka akan menghentikan penggunaan isu itu?

Yang jelas kedudukan Raja-raja adalah paling atas dalam Perlembagaan. Begitu juga dengan bidang kuasa institusi Raja Melayu dan ahli-ahli politik, sama ada yang mendukung kerajaan atau di pihak pembangkang. Justeru itu, hubungan antara dua institusi ini pastilah berbeza berbanding hubungan pemimpin dengan rakyat biasa.

Bagi rakyat Kelantan pula, penjelasan Perdana Menteri itu sekurang-kurang melenyapkan tanda tanya mereka mengenai kedudukan sebenar isu berkenaan sekarang dan persoalan siapakah yang menggunakan siapa. Bagaimanapun, sebagai pembangkang sudah pasti Angkatan Perpaduan Ummah khususnya Semangat 46 di Kelantan akan berusaha mencari sudut baru untuk memperdaya rakyat supaya membenci kerajaan.

Berita Harian
17.7.90/10

Ada setengah-setengah golongan manusia pula yang lebih takut kepada manusia dari takut kepada Allah. Golongan-golongan ini adalah terdiri dari para alim ulama yang tugasnya wajib memberi nasihat kepada takhta atau penasihat istana mengenai penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan terhadap jalan Allah. Mereka mengetahui sesuatu perkara yang tidak baik telah berlaku dalam istana, tetapi sengaja membisu batu, takut-takut mereka akan kehilangan jawatan, dipecat atau dimurka.”

Sultan Azlan Shah

ANTARA ISTANA DAN POLITIK

Watan

Khamis 8 November 1990

PADA lima atau enam tahun dahulu tidak siapapun yang berani membuat sebarang komen mengenai sikap dan tindak tanduk mana-mana Raja Melayu. Sebarang pendapat dianggap "taboo" terutamanya oleh masyarakat Melayu.

Bagaimanapun keitudukan ini telah bertukar apabila Kerajaan Barisan Nasional membuat pindaan perlembagaan yang menyentuh tentang kuasa Seri Paduka Baginda yang di Pertuan

Agong dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu.

Dalam usaha meminda perlembagaan itu pihak Barisan Nasional telah mengadakan pelbagai rapat umum di seluruh negara untuk mempengaruhi rakyat menyokong pindaan tersebut.

Di dalam perhimpunan-perhimpunan sedemikian komen-komen kritis terhadap institusi Raja-Raja Melayu telah mula kedengaran.

Dari tarikh itu nampaknya institusi Raja-Raja Melayu tidak lagi "sacred". Sudah ada dikalangan orang-orang Melayu mula berani menegur baginda-baginda Sultan secara terang-terang dengan menggunakan pelbagai media.

Bagaimanapun apabila Encik Karpal Singh dari DAP menyaman baginda Sultan Selangor berhubung dengan satu

pengampunan mengenai kes dadah, hampir seluruh orang-orang Melayu marah.

Encik Karpal Singh dituduh kurang ajar dan menderhaka kerana berani cuba mengheretkan baginda Sultan Selangor ke mahkamah. Dia dituduh mahu mengaibkan Raja Melayu sehinggakan ada seorang hamba Allah yang sanggup menampar Encik Karpal Singh di Mahkamah. Begitu sayangnya orang-orang Melayu kepada Raja mereka.

Sekarang timbul pula satu gejala baru. Terdapat beberapa golongan yang menyatakan tidak senangnya mereka terhadap baginda Sultan Kelantan. Baginda telah didakwa membabutkan diri di dalam politik.

Setiap hari di dalam akhbar harian timbul bermacam-macam berita mengenai kritikan ke atas baginda Sultan Kelantan akibat dakwaan itu.

Malah perkara ini akan dibawa oleh dua bahagian UMNO dari Pulau Pinang untuk dibincangkan di dalam Perhimpunan Agung UMNO yang akan datang ini.

Baginda Sultan Kelantan masih belum mahu mengeluarkan sebarang titah mengenai perkara ini. Lebih aneh lagi perkara yang didakwa itu belum terbukti tetapi cara pemberitaan dan komen yang ada, semacam benda tersebut begitu jelasnya berlaku.

Sepanjang ingatan kita belum pernah tersiar baik di dalam akhbar mahupun di TV atau radio, sebarang berita atau pun petikan titah baginda yang menyeru rakyat Kelantan menyokong atau menentang mana-mana parti politik.

Memang adalah satu pengetahuan umum yang baginda tidak senang dengan Menteri Besar Kelantan. Tetapi Menteri berkenaan terus diperkekalkan di jawatannya sehingga beliau

ditolak oleh pengundinya di dalam pilihanraya baru-baru ini.

Di sudut yang lain pula kita pernah terdengar di radio dan tertonton di TV berita-berita yang memetik titah baginda-baginda Sultan di beberapa negeri tertentu yang secara terus terang menyeru rakyat negeri mereka menyokong UMNO.

Berita sedemikian pernah tersiar di dalam akhbar-akhbar harian. Pada waktu itu berita tersebut tidak dinampakkan sebagai mempunyai sebarang implikasi politik oleh akhbar-akhbar berkenaan.

Tetapi hari ini nampaknya akhbar-akhbar tersebut begitu sensitif terhadap pembabitan istana di dalam politik. Baginda Sultan Kelantan yang hanya didakwa terbabit, dikritik dengan begitu lantang oleh mereka.

Di beberapa negeri lain dari Kelantan pernah terjadi peristiwa bila ada ahli-ahli politik tidak dapat menjadi calon kerana tidak diperkenankan oleh baginda Sultan negerinya.

Kita juga telah melihat beberapa Menteri Besar dari negeri-negeri lain yang terpaksa digantikan kerana tidak disenangi oleh baginda-baginda Sultan di negeri berkenaan.

Perkara-perkara di atas tidak berlaku di Kelantan. Tim Sri Mohamad Yaacob masih kekal menjadi Menteri Besar Kelantan sehingga dia ditolak oleh rakyat. Juga baginda Sultan Kelantan tidak pernah didakwa campurtangan di dalam sebarang senarai barisan calon.

Tentunya dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh pelbagai pihak terhadap Sultan Kelantan yang masih belum ada sebarang fakta yang jelas ini bukan sahaja boleh menimbulkan kemurkaan baginda tetapi akan melukakan hati rakyat Kelantan.

Jika sekalipun benar baginda telah melakukan sesuatu yang diluar bidang kuasa baginda sebagai seorang Sultan tentunya bukan baginda seorang yang terbabit.

Jika masalah ini mesti diatasi, wajarlah kita mencari saloran yang lebih sesuai untuk menyelesaikannya.

Lebih lagi didalam keadaan yang masih samar-samar ini, wajarkah kita sebagai orang Melayu membuat komen-komen sebegitu.

Kita begitu marah kepada Encik Karpal kerana tidak menghormati Raja kita tetapi apakah yang kita buat ini lebih sopan dari apa yang telah dilakukan oleh Encik Karpal Singh?

Raja di sesebuah negeri adalah tempat bagi rakyat negeri itu berlindung. Jika Raja mereka dikecam tentunya keamanan itu juga akan menikam hati mereka dan jika ini berterusan mungkinkah rakyat Kelantan akan cintakan UMNO semula?

Setengah anggota UMNO hari ini nampaknya telah hilang keperibadian Melayu dan membelakangkan tradisi kita. Sepatutnya inilah masanya untuk kita semua bersatu semula dengan menghulurkan tangan jika inilah sebenarnya yang diperjuangkan oleh UMNO.

Tetapi jika kita terus membaling batu sesama sendiri, membangkitkan perasaan benci membenci kita. Akhirnya kita juga yang rugi.

Watan
8.11/90/4

Doa akan terus dibaca selagi takhta masih dianggap sebagai khalifah. Bacaan doa kepada Illahi ini akan dihentikan apabila takhta sudah menyeleweng dari jalan Allah”

Sultan Azlan Shah

Nasihat Yang Benar

Jika penasihat tidak memberi nasihat yang baik dan perkara ini berlaku, maka penasihat juga bersalah.

NEGARA kita ditadbir melalui demokrasi dan Raja Berperlembagaan. Zaman dahulu raja memerintah tanpa ada *constitution*, tanpa mengikut apa-apa peraturan. Apa sahaja boleh dibuat oleh raja, dalam sistem feudal oleh kerana kuasa terlalu besar, maka sering kali raja-raja membuat benda-benda yang tidak disukai oleh rakyat, menekan dan menindas sehingga tercetuslah revolusi yang menjatuhkan sisten raja Eropah, khususnya revolusi di Perancis yang mana mereka kemudian menubuhkan sebuah republik. Sebabnya ialah kerana kuasa raja terlangsung banyak, terlangsung tinggi, sehingga raja boleh melakukan sekehendak hatinya. Sistem ini tidak baik kerana tidak ada cara untuk kita membetulkan kesalahan raja. Biasanya apabila seorang raja begitu tinggi, dia ditakuti, dan orang-orang di sekelilingnya pun tidak hendak menceritakan perkara yang sebenarnya. Mereka takut.

Kalau kita tengok cerita Shah Iran, Shah Iran ini keturunan daripada Sarjan dalam tentera Parsi dulu, tiba-tiba dia jadi raja dan di sekelilingnya semua orang takut kepadanya kerana dia ada "savak". Siapa yang menentangnya ditangkap, diseksa, dan ada yang dibunuh. Semakin lama dia jadi semakin angkuh dan sombong.

Orang-orang di sekelilingnya asyik memuji dia sahaja. Tidak cukup dengan panggilan Shah, ditambah pula jadi Shahan Shah, raja kepada segala raja. Semakin dipuji, dia berasa lagi besar, bahkan sampai pada suatu ketika ke mana dia pergi, generalnya

Petikan ucapan penangguhan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Presiden UMNO di Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra pada 10 November 1991. Ucapan ini dibuat tanpa teks bertulis.

akan mencium kakinya di depan orang ramai. Ini hendak tunjuk bahawa dia begitu besar sekali: raja segala raja.

Akan tetapi apabila timbul *people's power*, apabila rakyat sudah begitu tidak tahan lagi, marah, maka dia pun jatuh walaupun sudah naik begitu tinggi. Sebab itulah amat penting sekali kita ada sistem iaitu raja boleh dinasihati. Sistem *Constitutional Monarchy* ataupun Raja Berperlembagaan ada memberi tugas-tugas tertentu kepada penasihat raja, dan penasihat mestilah memberikan nasihat. Kalau dia dapati apa yang dibuat oleh raja tidak baik, maka dia mestilah sampaikan perkara ini kepada raja, supaya tidak keterlaluan sehingga kebencian rakyat meningkat dan mereka memberontak dan menjatuhkan raja. Jika penasihat tidak memberi nasihat yang baik dan perkara ini berlaku, maka penasihat juga ikut bersalah.

Sebab itu kita bertanggungjawab untuk memberi nasihat. Apa yang kita perkatakan di sini adalah teguran. Mungkin kadang-kadang terkasar, tetapi memanglah ahli UMNO, wakil-wakil UMNO kadang-kadang kasar. Saya pun kena juga. Teruk-teruk juga. Cerita amab dengan kura-kuralah, macam-macam, kasar juga. Ini cara UMNO. Tetapi yang pentingnya ialah apabila sesuatu itu tidak kena, maka kita harus menegur-menegur cara baik.

Tugas penasihat ialah menyampaikan cerita yang benar, nasihat yang benar. Istilah nasihat atau perkataan *advice, whose advice must be given*, ini datangnya daripada perkataan orang putih. Pada zaman British dahulu, kita *British Adviser*, tetapi dalam tugasnya dimasukkan syarat *whose advice when given must be followed*. Pada zaman itu raja-raja dipanggil sebagai *The Rulers* iaitu pemerintah, tetapi sebenarnya raja tidak boleh memerintah, yang memerintah adalah dia. Ini cara British. Jadi perkataan *advice* yang kita gunakan ini mengikut loghat perlembagaan British bermakna arahan. Jadi kita boleh *advise*lah.

Kita memberi teguran kerana kita sayangkan institusi raja. Janganlah raja-raja merasa tersinggung, kerana niat kita baik.

Bukan niat UMNO hendak jadikan negara republik. Dalam Perlembagaan UMNO perkara ini disebut dengan terang. Dan kerana kita tidak hendak jadi republiklah, maka kita buat teguran.

Waktu ini harus ditegur. Kalau sudah terlanjur tidak berguna lagi. Apabila sudah meluap-luap, apabila rakyat sudah berhimpun di Kuala Lumpur, beribu, beratus ribu, berjuta, bawa parang, macam *people's power* di Manila, masa itu tidak berguna diberi nasihat lagi. Yang hendak kena nasihat, orang yang bawa parang itulah!

Yang perlu dibuat ialah sekarang. Sebelum terlanjur. Di tahap ini masih boleh kita betulkan. Sebab itu kita harus buat teguran. Bukan teguran untuk menghancurkan, tetapi teguran yang membina, untuk mengekalkan sistem beraja di negara kita ini. Itulah tujuan kita.

Ada undang-undang yang berkata, bahawa kita tidak boleh mencaci raja. Undang-undang ini dibuat selepas tahun 1969 kerana kita takut ada orang yang kata macam-macam kepada raja-raja sehingga membangkitkan kemarahan orang Melayu. Kita takut orang Cina kata macam-macam kepada raja kita, sehingga orang Melayu naik marah dan hendak membunuh orang Cina. Maka kita buat undang-undang jangan sentuh peribadi raja. Tetapi sekarang ini, yang bercakap ini, orang Melayu. Bukan *kapitan-kapitan* yang bercakap.

Jadi ini tidak termasuk dalam tafsiran untuk mencaci. Ini hanya untuk mendedahkan perbuatan yang akan merugikan raja, merugikan orang Melayu, merugikan negara. Tahun lepas kita membuat usul, dan saya telah sampaikan. Saya ceritakan kepada perasaan rakyat. Saya cerita dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja. Tidak ada Menteri-Menteri Besar dalam majlis itu. Tinggal saya seorang sahaja. Tikus inilah yang kena pasang loceng. Jadi saya sudah sampaikan dengan cara yang jelas. Maka kalau tahun ini, ni kita masih dengar kritikan yang begitu lantang, tentulah ada sebabnya. Dan kalau sudah ada sebab, sekali lagilah menjadi tugas tikus ini untuk menyampaikannya.

Kata pepatah Melayu, "Sayangkan anak tangan-tangankan". Kata pepatah Inggeris, "*It is necessary to be cruel in order to kind*".

SULTAN JOHOR DAKWA UMNO JADI PERKAKAS

Oleh Tukiran Kitam



Sultan Johor

MUAR 16 Disember - Sultan Johor hari ini mendakwa Umno telah dijadikan perkakas untuk melagakan orang Melayu dan raja-raja apabila Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja tidak setuju dengan pindaan Perlembagaan.

Baginda menjelaskan, Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja tidak setuju dengan pindaan Perlembagaan kerana rang undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen bukan untuk Umno sahaja tetapi adalah untuk parti-parti komponen Barisan Nasional.

Apabila Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja menyatakan tidak setuju tentang perkara itu Umno kemudiannya dijadikan perkakas dan dilagakan dengan raja, tegas baginda.

Bertitah demikian sempena lawatan di Kampong Parit Nombor Lima, Parit Yusof di sini, baginda menyatakan:

"Kita telah dilagakan dan dicabar walhal raja-raja tidak boleh bersabar," tegas baginda di majlis yang dihadiri oleh kira-kira seribu orang penduduk di situ.

Sultan Johor mendakwa bahawa baginda telah dicera samada secara halus dan kasar ekoran dari isu pindaan Perlembagaan.

Tetapi, tambah Baginda, mujurlah Baginda dapat bersabar kerana ada pegangan agama sambil mengingatkan bahawa perbuatan itu adalah salah di bawah akta hasutan.

Terdahulu dari itu, Sultan Johor menegaskan bahawa baginda sentiasa patuh kepada undang-undang tubuh kerajaan Johor dan memberi perhatian berat terhadap Hal Ehwal Agama kerana sistem kesultanan Raja Berperlembagaan.

Ini titah baginda kerana bagi memenuhi amanah Almarhum Datuknya yang tidak mahukan perbuatan kotor dibiarkan berlaku di negeri Johor.

Baginda juga menghuraikan tentang bagaimana Perlembagaan Johor yang dianggap paling tua telah ditubuhkan pada tahun 1984 dan Dewan Perundangan pula telah wujud sebelum 1878.

"Dalam sejarah pada masa itu Johor telah ada jemaah menteri seperti menteri agama, menteri luar dan lain-lain menteri dan hampir sama serupa dengan hari ini" titah baginda.

Umno Johor pula tambah baginda telah ditubuh oleh Datuk Onn dengan persetujuan Sultan Johor yang menjadi Datuknya dalam istana pada 11 Mei 1946 bukan diluar istana.

Selanjutnya baginda bertitah, gambaran muafakat antara raja dan rakyat telah jelas terjalin dalam bintang-bintang kebesaran darjah kerabat diraja (D.K) dimana tercatat perkataan "muafakat itu berkat".

Kesedaran tentang perkara itu, menurut baginda telah wujud sejak zaman pemerintahan nenek moyangnya.

Utusan Malaysia
16.12.83/1

Penulis menutup risalah "Perisytiharan Kod
Etika Di Raja" dengan doa:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ
تُوْتِي الْمَلِكِ مِنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمَلِكِ مِنْ تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ
وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ②٦
تُؤَلِّجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُؤَلِّجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ
مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ
حِسَابٍ ②٧

TAKHTA KEKAL DI TANGAN RAKYAT



• Sesungguhnya takhta adalah suatu institusi yang dicipta dan diwujudkan oleh perlembagaan •

Sultan Azlan Shah

10 MAY 1994